

GARIS PANDUAN PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN (GGP) 3.0

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR
MALAYSIAN GREEN TECHNOLOGY AND CLIMATE CHANGE CENTRE

OKTOBER 2020

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Kementerian Alam Sekitar dan Air

Malaysian Green Technology and Climate Change Centre

Di Bawah Tajaan UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAMME (UNDP)

Dengan Kerjasama Daripada

Kementerian Kewangan

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

Jabatan Kerja Raya

Jabatan Alam Sekitar

Suruhanjaya Tenaga

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

SIRIM Berhad

OKTOBER 2020

Hak Cipta Terpelihara @ 2020

Semua Hak Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula atau dihantar dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara, elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman, atau mana-mana storan maklumat dan sistem dapatan semula tanpa kebenaran secara bertulis daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

PENDAHULUAN

Garis Panduan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) ini bertujuan untuk memberi panduan dan rujukan kepada semua Kementerian dan Agensi Kerajaan dalam melaksanakan perolehan hijau. Dengan adanya Garis Panduan ini, diharapkan proses perolehan dapat dilaksanakan dengan mengambil kira elemen hijau menjadi lebih teratur bagi menjamin ketelusan serta nilai faedah terbaik kepada Kerajaan di samping dapat mengelakkan ketidakpatuhan kepada mana-mana peraturan perolehan yang berkaitan.

Garis Panduan ini juga diharap dapat memberi pengetahuan dan maklumat berguna dalam merealisasikan tatacara perolehan hijau yang lebih cekap dan seterusnya dapat meningkatkan kemahiran diri, prestasi dan profesionalisme perkhidmatan awam khususnya dalam pengurusan kewangan dan seterusnya dapat menyumbang dalam mencapai pembangunan mampan (sustainable development).

Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa. Garis Panduan ini juga menyediakan panduan mengenai proses penilaian teknikal dan kriteria alam sekitar bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, Kementerian atau Agensi Kerajaan boleh menambah baik proses penilaian ini dengan menggunakan kaedah penilaian yang lebih bermanfaat.

SINGKATAN

CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
DOE	Jabatan Alam Sekitar
EPU	Unit Perancang Ekonomi
GGP	Perolehan Hijau Kerajaan *(Government Green Procurement)*
GHG	Gas Rumah Hijau *(Greenhouse Gas)*
GTMP	Pelan Induk Teknologi Hijau *(Green Technology Master Plan)*
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPSPN	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
KASA	Kementerian Alam Sekitar dan Air
KeTSA	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
LCC	Kos Kitaran Hayat (*Life Cycle Costing)*
LGM	Lembaga Getah Malaysia
LTAP	Pelan Tindakan Jangka Panjang (*Long-Term Action Plan)*
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MGTC	Malaysian Green Technology and Climate Change Centre
MOF	Kementerian Kewangan
MTCC	Malaysian Timber Certification Council
NGTP	Dasar Teknologi Hijau Negara *(National Green Technology Policy)*
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PPH	Perancangan Perolehan Hijau
SCP	Penggunaan dan Pengeluaran Mampan (*Sustainable Consumption and Production)*
SEDA	Sustainable Energy Development Authority Malaysia
SPAN	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara Malaysia
SPP	Perolehan Mampan Kerajaan (*Sustainable Public Procurement)*
ST	Suruhanjaya Tenaga Malaysia
STAP	Pelan Tindakan Jangka Pendek (*Short-Term Action Plan)*
UNFCCC	*United Nations Framework Convention on Climate Change*

KANDUNGAN

1. PENGENALAN 1
1.1 Latar Belakang 1
1.2 Penggunaan dan Pengeluaran Mampan 1
1.3 Dasar Berkaitan GGP 2
1.4 Definisi GGP 4
1.5 Kepentingan GGP 4
1.6 Prinsip GGP 5

2. PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN GGP 6
2.1 Pelan Tindakan Jangka Pendek GGP 6
2.2 Pelan Tindakan Jangka Panjang GGP 6

3. KERANGKA INSTITUSI GGP 8

4. PEMILIHAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN 12
4.1 Program MyHIJAU 14
4.2 Pengiktirafan MyHIJAU Mark 15
4.3 Direktori MyHIJAU (*MyHIJAU Directory*) 16

5. KAEDAH PELAKSANAAN GGP 17
5.1 Perancangan Perolehan 18
5.2 Penyediaan Spesifikasi 20
5.3 Penilaian dan Penganugerahan 22
5.4 Pelantikan Pembekal atau Kontraktor Perkhidmatan 26
5.5 Pengurusan Perjanjian atau Kontrak 26
5.6 Pemantauan, Pelaporan dan Penilaian 27

KRITERIA KHUSUS UNTUK PRODUK ATAU PERKHIDMATAN HIJAU
PG-01 Peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) 29
PG-02 Cat 31
PG-03 Simen Gentian 33
PG-04 Lampu Dalaman 35
PG-05 Kertas 38
PG-06 Tekstil 40
PG-07 Perabot Berasaskan Kayu 43
PG-08 Pencetak Serbaguna 46
PG-09 Penyaman Udara 49
PG-10 Produk Pembungkusan 52
PG-11 Peralatan Cekap Air 54
PG-12 Sistem Penuaian Air Hujan 57
PG-13 Alat Tulis Berasaskan Kertas 59
PG-14 Produk Berasaskan Getah 62
PG-15 Perkhidmatan Pembersihan 65
PG-16 Pusat Data Hijau 69
PG-17 Pengurusan Fasiliti Bangunan 72
PG-18 Perkhidmatan Bengkel Automotif 74

PG-19 Percetakan Berasaskan Kertas 77
PG-20 Perkhidmatan Hotel, Penginapan dan Pusat Latihan 80
PG-21 Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Penyaman Udara 84
PG-22 Sistem Ventilasi Mekanikal dan Penyaman Udara Termasuk Chiller 87
PG-23 Pam Air Berkuasa Elektrik 90
PG-24 Enjin Mesra Alam Untuk Kenderaan Berat 92
PG-25 Baja Organik 95
PG-26 Keluli Rata Bersalut (*Coated Flat Steel)* 97
PG-27 Toner Kartrij *(Catridge Toner)* 99
PG-28 Perkhidmatan Pengurusan Acara 101
PG-29 Perabot Berasaskan Keluli, Besi dan Plastik 105
PG-30 Batu Bata (*Masonry Unit*) 108
PG-31 Peralatan Elektrik 110
PG-32 Lampu Jalan 113
PG-33 Alat Pemadam Kebakaran Mudah Alih 116
PG-34 Perkhidmatan Penyelenggaraan Landskap 118
PG-35 Perkhidmatan Pos dan Penghantaran *(Postal and Courier Services)* 121
PG-36 Perkhidmatan Dobi atau Pencucian Pakaian 123
PG-37 Perkhidmatan Penyediaan Makanan, Penyajian atau Katering 126
PG-38 Pembelian atau Sewaan Kenderaan Ringan 129
PG-39 Perkhidmatan Kawalan Serangga 131
PG-40 Tenaga Solar 134

LAMPIRAN-LAMPIRAN

Lampiran 1 Pekeliling Perbendaharaan GGP 137
Lampiran 2 Contoh Dokumen Teknikal Tender atau Sebutharga 144
Lampiran 3 Senarai Badan Pensijilan Hijau Global 146
Lampiran 4 Contoh Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre 152
Lampiran 5 Contoh Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. 153
Lampiran 6 Contoh Sijil Perakuan Kelulusan *(Certificate of Acceptance)* daripada Suruhanjaya Tenaga Malaysia 154
Lampiran 7 Contoh Surat Perakuan Pendaftaran *Water Efficient Products Labelling Scheme* (WEPLS) daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara Malaysia 155
Lampiran 8 Contoh Lesen Pensijilan *Programme for the Endorsement of Forest Certification* (PEFC) daripada Malaysian Timber Certification Council 156
Lampiran 9 Contoh Lesen Pensijilan Forest Stewardship Council (FSC) daripada Badan Pensijilan yang Diiktiraf 157
Lampiran 10 Contoh Sijil *Energy Star* daripada United States Environmental Protection Agency 158
Lampiran 11 Contoh Lesen Pengurusan Sisa Pepejal daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara 159
Lampiran 12 Contoh Lesen Pengurusan Sisa Buangan Terjadual daripada Jabatan Alam Sekitar 160
Lampiran 13 Contoh Sijil Pendaftaran Sebagai Syarikat Perkhidmatan Tenaga (ESCO) daripada Suruhanjaya Tenaga Malaysia 161
Lampiran 14 Contoh Lesen Kontraktor Pemasangan Bertauliah daripada Sustainable Energy Development Authority (SEDA Malaysia) 162

1. PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Kerajaan komited dalam mengurangkan karbon intensiti bagi memelihara alam sekitar. Dalam Konvensyen *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC): COP21/CMP11 pada Disember 2015 di Paris, Kerajaan telah mengumumkan komitmen Malaysia untuk mengurangkan tahap pelepasan Gas Rumah Hijau (*Greenhouse Gas;* GHG) sebanyak 45% berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2030, iaitu 35% secara sukarela dan 10% lagi adalah bersyarat dan tertakluk kepada penerimaan bantuan kewangan, pemindahan teknologi dan pembangunan kapasiti daripada negara maju.

Usaha ke arah pengurangan pelepasan GHG tersebut disokong dengan pelaksanaan Dasar Teknologi Hijau Negara yang menggariskan arah tuju kepada pembangunan mampan dan bersepadu bagi memulihara sumber asli untuk generasi masa kini dan masa hadapan. Dasar ini menyokong inisiatif Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) bagi menggalakkan permintaan terhadap teknologi hijau dalam menyedia produk dan perkhidmatan hijau sebagai pilihan utama dalam perolehan sektor awam. Pelaksanaan GGP seterusnya berupaya memacu budaya inovasi memandangkan syarikat bersaing untuk membangunkan produk baru yang lebih cekap, mesra alam dan selamat. Di samping itu, GGP turut digunakan untuk mempertingkat keupayaan dan daya saing syarikat tempatan dalam menghasilkan lebih banyak produk dan perkhidmatan hijau untuk pasaran tempatan dan global.

Dalam hubungan ini, Kerajaan melaksanakan inisiatif GGP di semua Kementerian dan Agensi Kerajaan untuk menggalakkan dan membudayakan pembelian produk hijau di sektor awam. Pelaksanaan GGP ini merupakan salah satu instrumen untuk mencapai aspirasi Kerajaan ke arah pembangunan hidup mampan serta sebagai pemangkin kepada sektor swasta untuk mencontohi usaha Kerajaan dalam perolehan hijau.

1.2 Penggunaan dan Pengeluaran Mampan

Kerajaan telah mengiktiraf kepentingan konsep Penggunaan dan Pengeluaran Mampan (*Sustainable Consumption and Production;* SCP) sebagai mekanisma penting dalam usaha menjadikan negara berpendapatan tinggi dan kualiti hidup yang

sejahtera. Unit Perancang Ekonomi merupakan agensi yang menyelaras pelaksanaan dan menjadi *focal point* SCP di Malaysia.

SCP adalah konsep yang menggalakkan pertumbuhan ekonomi tanpa menjejaskan alam sekitar dan kesejahteraan generasi masa hadapan. Konsep ini menjelaskan tentang penggunaan sumber asli yang cekap, mengurangkan pencemaran dan penghasilan sisa serta meminimumkan penggunaan bahan berbahaya di sepanjang kitaran hayat produk atau perkhidmatan. Melalui pendekatan kitaran hayat, SCP menggalakkan rakyat untuk mempertimbangkan impak alam sekitar dan kecekapan penggunaan sumber pada setiap peringkat pengeluaran dan penggunaan.

Pelaksanaan SCP diperincikan melalui dasar yang digariskan di dalam Rancangan Malaysia dan Dasar Teknologi Hijau Negara. Kedua-dua dasar ini menetapkan hala tuju untuk mencapai penggunaan dan pengeluaran mampan adalah melalui teknologi hijau yang berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan hijau di peringkat pengeluaran dan penggunaan.

Salah satu inisiatif di bawah SCP adalah pelaksanaan GGP melalui pembelian produk dan perkhidmatan mesra alam oleh Kerajaan yang bertujuan merangsang pasaran hijau. Perbelanjaan dalam GGP merupakan antara indikator untuk menilai impak SCP ke atas ekonomi, sosial dan alam sekitar.

1.3 Dasar Berkaitan GGP

Kerajaan mengakui kepentingan GGP dan langkah-langkah awal telah diambil untuk melaksanakannya. Antara komitmen Kerajaan adalah seperti berikut:

i. **Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11)** menuju kearah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampanan dan daya tahan di bawah teras strategik keempat, di mana kerajaan menyasarkan sekurang-kurangnya 20% perolehan hijau menjelang tahun 2020 ke arah mewujudkan pasaran hijau dan pendekatan penggunaan dan pengeluaran mampan. Pelan Penggunaan dan Pengeluaran Mampan (*SCP Blueprint*) akan dilancarkan dan memberi penekanan kepada GGP sebagai salah satu laluan bagi meyokong dan membimbing dalam melaksanakan aktiviti bagi pertumbuhan hijau di dalam RMK-11.

ii. Matlamat jangka masa sederhana bagi **Dasar Teknologi Hijau Negara (NGTP)** menyatakan bahawa teknologi hijau menjadi pilihan utama dalam Perolehan.

iii. **Program Transformasi Industri Pembinaan** salah satu teras inisiatif bertumpu kepada projek-projek awam bagi menerajui amalan mampan yang meningkatkan standard bagi pembinaan, dengan bertumpu kepada projek awam bagi meningkatkan spesifikasi perolehan, pengagihan dan pencapaian sumber.

iv. **Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baharu** menggariskan secara strategik dengan menggunakan kuasa perolehan kerajaan bagi merangsang Tenaga Boleh Baharu dan pertumbuhan industri yang memerlukan pelaksanaan pembinaan atau pengubahsuaian tender oleh kerajaan bagi menyediakan keutamaan teknologi Tenaga Boleh Baharu.

v. **Model Baru Ekonomi** mencadangkan polisi perolehan kerajaan bagi menggalakkan inovasi teknologi produk dalam menjadikan Malaysia sebagai satu 'platform ujian' bagi produk dan perkhidmatan baru yang mengutamakan peralatan cekap tenaga dan amalan pembuatan yang mampan.

vi. **Ucapan Bajet 2010** menekankan keutamaan produk dan perkhidmatan mesra alam dan produk yang mematuhi piawaian teknologi hijau dan perolehan kerajaan.

vii. **Indeks Penarafan Bintang (Indeks SSR)** – Bermula 2015, inisiatif GGP telah menjadi sebahagian daripada kriteria penilaian di bawah Indeks SSR bagi agensi Sektor Awam oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

viii. Penguatkuasaan GGP menerusi **Pekeliling Perbendaharaan** iaitu 1PP/PK1/ Perenggan 6(ix) seperti di **Lampiran 1**. Kementerian Kewangan (MOF) telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 6 April 2016 bagi pelaksanaan GGP di 12 Kementerian dan agensi di bawahnya bagi tahun 2016. Manakala pelaksanaan GGP telah diperluaskan kepada semua Kementerian dan Agensi Kerajaan Persekutuan pada tahun 2017 melalui surat bertarikh 6 Januari 2017.

1.4 Definisi GGP

Perolehan Hijau Kerajaan merujuk kepada pembelian produk, perkhidmatan dan kerja di sektor awam yang mengambil kira kriteria alam sekitar untuk memulihara alam sekitar dan sumber semula jadi, serta meminimumkan dan mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia.

1.5 Kepentingan GGP

Perolehan sektor awam memainkan peranan penting sebagai pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi kerana ia mewakili kira-kira 12-15% daripada KDNK. Kerajaan telah menyedari kepentingan perolehan sektor awam, terutamanya dalam mewujudkan peluang inovasi dan meningkatkan daya saing syarikat tempatan. Di samping itu, ia juga telah dikenal pasti sebagai salah satu bidang yang berpotensi untuk menggalakkan pelaburan dan meningkatkan keyakinan perniagaan di Malaysia.

Hakikatnya, Kerajaan juga boleh menggunakan kuasa membeli yang besar untuk merangsang pertumbuhan hijau. Sebagai peneraju pasaran yang progresif dan berpemikiran ke hadapan, Kerajaan boleh merangsang penggunaan produk dan perkhidmatan mesra alam. Dengan berbuat demikian, Kerajaan akan menjadi contoh ikutan kepada peniaga dan pengguna.

Terdapat banyak faedah yang boleh dicapai melalui pelaksanaan GGP:

- Menyokong inovasi dan ekonomi tempatan.
- Meningkatkan daya saing syarikat.
- Mewujudkan pasaran yang lebih besar dan baharu untuk penyelesaian kemampanan yang inovatif.
- Meningkatkan prestasi alam sekitar dalam perniagaan.
- Membantu mencapai matlamat alam sekitar negara.
- Membantu penjimatan jangka panjang.
- Menghasilkan produk yang berkualiti tinggi.
- Mewujudkan suasana kerja yang sihat.
- Meningkatkan imej sektor awam.
- Membangunkan dasar yang bersepadu.

1.6 Prinsip GGP

GGP diperkenalkan untuk meningkatkan dasar perolehan sedia ada. GGP boleh berfungsi untuk mencapai penjimatan jangka panjang dan mengurangkan beban kepada bajet awam, merangsang pertumbuhan hijau dan meningkatkan daya saing industri tempatan. Begitu juga, sepatutnya tidak ada konflik yang timbul di antara peraturan perolehan sedia ada dengan pelaksanaan GGP. Dasar Perolehan Kerajaan sedia ada seperti berikut:

- Merangsang pertumbuhan industri tempatan melalui penggunaan bahan-bahan dan sumber tempatan secara maksimum.
- Menggalakkan dan menyokong pembangunan usahawan Bumiputera selaras dengan aspirasi negara untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera.
- Meningkatkan keupayaan institusi dan industri tempatan melalui pemindahan teknologi dan kepakaran.
- Merangsang dan menggalakkan perkhidmatan berorientasikan industri tempatan seperti pengangkutan (*freight*) dan insurans.
- Mempercepat pertumbuhan ekonomi di mana perolehan Kerajaan digunakan sebagai instrumen untuk mencapai matlamat sosioekonomi dan pembangunan.

Prinsip-prinsip perolehan sedia ada juga adalah penting untuk melaksanakan GGP dengan lebih berkesan.

- **Akauntabiliti Awam** - Urusan perolehan yang diamanahkan hendaklah dilaksanakan secara bertanggungjawab dengan mengikut dasar dan peraturan yang ditetapkan.
- **Diuruskan Secara Telus** - Semua dasar, peraturan dan proses perolehan yang dilaksanakan hendaklah jelas, diketahui dan difahami umum serta mengikut dasar dan peraturan yang ditetapkan.
- **Nilai Faedah Yang Terbaik** - Pengurusan perolehan hendaklah memberi pulangan yang terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.
- **Saingan Terbuka** - Proses perolehan hendaklah memberi peluang terbuka kepada semua pihak yang layak bersaing.
- **Adil dan Saksama** - Sesuatu perolehan itu dipelawa, diproses dan dipertimbangkan dengan adil dan saksama berasaskan dasar dan peraturan yang ditetapkan.

2. PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN GGP

2.1 Pelan Tindakan Jangka Pendek GGP

Pelaksanaan GGP memerlukan perancangan yang tepat dan perubahan dalam amalan perolehan kerajaan yang sedia ada. Oleh itu, Pelan Tindakan Jangka Pendek GGP (*Short Term Action Plan*; STAP) 2013-2014 telah disediakan dan diluluskan pada 11 Julai 2013 oleh Jawatankuasa Pemandu GGP yang dipengerusikan secara bersama oleh Kementerian Kewangan serta Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Pelan tindakan telah dijalankan bermula dari Julai 2013 hingga Disember 2014. Lima projek perintis Kementerian yang telah terlibat dalam melaksanakan GGP adalah;

1) Unit Perancang Ekonomi
2) Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
3) Kementerian Kesihatan
4) Kementerian Dalam Negeri (termasuk Polis Diraja Malaysia)
5) Kementerian Pendidikan

2.2 Pelan Tindakan Jangka Panjang GGP

Hala tuju GGP di Malaysia adalah berpandukan kepada Pelan Tindakan Jangka Panjang (*Long Term Action Plan* - LTAP) yang meliputi tempoh masa dari tahun 2016 hingga 2025. LTAP akan menerangkan perluasan pelaksanaan GGP kepada semua Kementerian dan Agensi Kerajaan termasuk di peringkat negeri dan pihak berkuasa tempatan melibatkan pertambahan lebih banyak kategori produk dan perkhidmatan. LTAP turut memberi penekanan kepada perolehan kerja serta pembangunan garis panduan pelaksanaan GGP yang teratur.

Selain itu, LTAP turut meliputi fasa *Socially Responsible Procurement* (SRP) and *Procurement Promoting Innovation* (PPI) dengan jangkaan bermula tahun 2021 hingga 2030. SRP ialah aktiviti perolehan yang mengambilkira aspek sosial menerusi penggalakkan kesejahteraan kendiri, perpaduan sosial dan inklusif serta mewujudkan peluang kesamarataan dalam melahirkan masyarakat yang sihat dan adil selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pembangunan sosial


dan kemampanan. Manakala PPI adalah satu pendekatan untuk merangsang inovasi dalam kalangan pembekal di peringkat perolehan pra-komersial dan perolehan biasa. Bagi memastikan objektif GGP tercapai, LTAP akan diselarikan dengan aktiviti pelaksanaan GGP dalam tempoh RMK-11 dan Rancangan Malaysia selanjutnya. LTAP akan ditambah baik dari semasa ke semasa berdasarkan kepada pengalaman yang diperoleh semasa fasa perintis dan peluasan pelaksanaan GGP di semua Kementerian dan Agensi Kerajaan Persekutuan. Pengalaman ini bukan sahaja berkait secara langsung dengan aktiviti-aktiviti perolehan, tetapi juga dengan inisiatif sokongan (latihan, komunikasi, pengurusan vendor, penyediaan tender, pemantauan dan lain-lain).



Pelan Tindakan Jangka Panjang GGP

3. KERANGKA INSTITUSI GGP

Jawatankuasa Pemandu Perolehan Hijau Kerajaan (*Government Green Procurement Steering Committee;* GGPSC) dan Jawatankuasa Kerja Perolehan Hijau Kerajaan (*Government Green Procurement Working Committee;* GGPWC) yang dipengerusikan dan diurusetiakan secara bersama oleh MOF dan KASA telah ditubuhkan bagi tujuan pelaksanaan GGP. Ianya disokong dengan pembentukan pasukan teras GGP yang diwakili daripada Agensi Pusat, beberapa Kementerian dan Agensi teknikal.



Pelaksanaan GGP dipacu oleh agensi utama yang terdiri daripada Kementerian Kewangan (MOF), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), SIRIM Berhad serta Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC). Peranan agensi utama adalah seperti berikut:

AGENSI	PERANAN
Kementerian Kewangan (MOF)	• Mengeluarkan pekeliling, arahan atau tatacara perolehan • Menyelaras maklumat Perancangan Perolehan Hijau (PPH) dan pencapaian GGP setiap Kementerian • Mempengerusikan Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Kerja GGP bersama KASA

AGENSI	PERANAN
Unit Perancang Ekonomi (EPU)	• Agensi Peneraju untuk Projek *Advanced* SCP • Menetapkan strategi RMKe-11 dan seterusnya • Menyediakan *SCP Blueprint*
Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA)	• Meneraju Dasar Teknologi Hijau Negara dan Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP) • Menyelaras pembangunan industri teknologi hijau • Mempengerusikan Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Kerja GGP bersama MOF
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)	• Menyediakan bantuan dan nasihat teknikal di dalam penyediaan Garis Panduan GGP Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja
Jabatan Kerja Raya (JKR)	• Menyelaras penyediaan Garis Panduan GGP Kerja • Melaksanakan projek perintis GGP Kerja menggunakan skim Penarafan Hijau (pH) JKR dan MyCREST
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	• Menyediakan dan membantu di dalam penyediaan Garis Panduan GGP Kerja • Penasihat kepada pelaksanaan projek perintis GGP Kerja menggunakan MyCREST
SIRIM Berhad	• Menyediakan maklumat teknikal dan dokumen kriteria alam sekitar untuk produk dan perkhidmatan hijau • Membantu di dalam penyediaan Garis Panduan GGP
Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC)	• Membangunkan Garis Panduan GGP Bekalan dan Perkhidmatan • Mengenalpasti kumpulan produk dan perkhidmatan GGP • Agensi teknikal teknologi hijau untuk *handholding* Kementerian berkenaan pelaksanaan GGP • Menyediakan program pembangunan kapasiti GGP • Menyelaras produk dan perkhidmatan mesra alam menerusi pengiktirafan MyHIJAU Mark • Memantau, menilai dan menyelaras pelaporan pelaksanaan dan pencapaian GGP di setiap Kementerian dan Agensi Kerajaan

GGP dilaksanakan melalui jawatankuasa seperti berikut:



Peranan Jawatankuasa Pemandu Perolehan Hijau Kerajaan (GGPSC)

- Meluluskan dasar, strategi dan hala tuju GGP
- Meluluskan mekanisme dan pelan tindakan pelaksanaan jangka pendek dan jangka panjang GGP
- Meluluskan prosedur, garis panduan dan manual GGP
- Melaporkan status kemajuan pelaksanaan GGP kepada pihak pengurusan seperti MTHPI, Jemaah Menteri dan lain-lain yang berkaitan.

Peranan Jawatankuasa Kerja Perolehan Hijau Kerajaan (GGPWC)

- Menggubal polisi, strategi dan hala tuju GGP
- Merangka mekanisme dan melaksanakan pelan tindakan GGP
- Merangka prosedur, garis panduan dan manual GGP
- Memantau, menyelaras dan menilai pelaksanaan GGP di peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan

Peranan Pasukan Teras (*Core Team*)

- Membincangkan isu pelaksanaan dan penyelesaian
- Membincangkan perkara teknikal pelaksanaan
- Merancang dan melaporkan aktiviti dan status pelaksanaan GGP
- Membantu di dalam pemantauan pelaksanaan dan pencapaian GGP di setiap Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan

Peranan Jawatankuasa GGP di Peringkat Kementerian

- Merancang, menyelaras, memantau, menilai pelaksanaan dan melaporkan pencapaian GGP di peringkat Kementerian
- Memuktamadkan KPI dan Pelan Tindakan GGP Kementerian
- Menyediakan Perancangan Perolehan Hijau (PPH) setiap tahun
- Mengedarkan makluman pelaksanaan GGP kepada Jabatan dan Agensi Kerajaan
- Pengerusi: KSU atau TKSU Kementerian

Peranan Jawatankuasa GGP di Peringkat Jabatan atau Agensi Kerajaan

- Merancang, menyelaras, memantau, menilai pelaksanaan dan melaporkan pencapaian GGP di peringkat Jabatan atau Agensi Kerajaan
- Membantu di dalam penyediaan Perancangan Perolehan Hijau (PPH) Kementerian setiap tahun
- Pengerusi: Ketua atau Timbalan Ketua di Jabatan atau Agensi Kerajaan

4. PEMILIHAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Pemilihan produk dan perkhidmatan di dalam pelaksanaan GGP di sektor awam adalah berdasarkan kriteria berikut:

a) **Pertimbangan belanjawan**: Produk dan perkhidmatan yang sering digunakan di dalam sektor awam dan jumlah yang dibelanjakan adalah signifikan.

b) **Kesediaadaan Piawaian (*Standard*):** Kriteria atau piawaian produk dan perkhidmatan boleh didapati di bawah pengiktirafan MyHIJAU Mark di mana ia boleh digunakan dalam proses perolehan. Selain itu, ini akan memudahkan pegawai perolehan kerajaan mengenali produk dan perkhidmatan mesra alam yang telah diiktiraf dan disenaraikan di dalam direktori MyHIJAU.

c) **Impak Alam Sekitar:** Produk atau perkhidmatan hijau dapat mengurangkan impak negatif kepada alam sekitar seperti pengurangan pelepasan gas karbon dioksida, penggunaan sumber air dan tenaga yang cekap atau pengurangan kandungan bahan cemar dan berbahaya.

d) **Kesediaan pembekal tempatan:** Pelaksanaan GGP bagi kategori kumpulan produk atau perkhidmatan yang berkaitan dapat membantu pengeluar tempatan terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang mampu berdaya saing di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Berdasarkan kepada kriteria di atas, 40 kumpulan produk dan perkhidmatan telah dikenal pasti dan dipilih di dalam pelaksanaan GGP di sektor awam seperti di bawah:

1) Peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)
2) Cat
3) Simen gentian
4) Lampu dalaman
5) Kertas
6) Tekstil
7) Perabot berasaskan kayu
8) Pencetak serbaguna
9) Penyaman udara
10) Produk pembungkusan

11) Peralatan cekap air
12) Sistem penuaian air hujan
13) Alat tulis berasaskan kertas
14) Produk berasaskan getah
15) Perkhidmatan pembersihan
16) Pusat data hijau
17) Pengurusan fasiliti bangunan
18) Perkhidmatan bengkel automotif
19) Percetakan berasaskan kertas
20) Perkhidmatan hotel, penginapan dan pusat latihan
21) Perkhidmatan penyelenggaraan sistem penyaman udara
22) Sistem ventilasi mekanikal dan penyaman udara termasuk chiller (mod penyejukan)
23) Pam air berkuasa elektrik
24) Enjin mesra alam untuk kenderaan berat
25) Baja organik
26) Keluli rata bersalut (*coated flat steel)*
27) Toner kartrij *(catridge toner)*
28) Perkhidmatan pengurusan acara
29) Perabot berasaskan keluli, besi dan plastik
30) Batu bata (*masonry unit*)
31) Peralatan elektrik (televisyen, kipas angin, penyejuk beku dan mesin pencuci)
32) Lampu jalan
33) Alat pemadam kebakaran mudah alih
34) Perkhidmatan penyelenggaraan landskap
35) Perkhidmatan pos dan penghantaran *(postal and courier services)*
36) Perkhidmatan dobi atau pencucian pakaian
37) Perkhidmatan penyediaan makanan, penyajian atau katering
38) Pembelian atau sewaan kenderaan ringan
39) Perkhidmatan kawalan serangga
40) Tenaga solar

4.1 Program MyHIJAU

Program MyHIJAU telah diperkenalkan pada 23 Oktober 2013 setelah mendapat persetujuan Mesyuarat Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) merupakan satu program bersepadu yang berasaskan konsep pembangunan mampan (*sustainable development*) di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dengan Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC) sebagai agensi pelaksana.

Program ini bertujuan untuk menyelaras semua inisiatif pembangunan produk dan perkhidmatan hijau di Malaysia, meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat tentang kepentingan pemuliharaan alam sekitar, mewujudkan garis panduan dan prosedur serta membangunkan keupayaan dan kemahiran pihak industri dan pengguna.

Tumpuan program ini berpandukan kepada pengeluaran mampan (*sustainable production*) khususnya dalam menggalakkan pembuat, pengeluar dan pembekal tempatan menghasilkan produk dan perkhidmatan hijau; serta penggunaan mampan (*sustainable consumption*) iaitu tumpuan kepada pengguna dan pembeli dengan mempromosikan pasaran hijau serta menggalakkan penggunaan produk dan perkhidmatan hijau.



Diagram Program MyHIJAU

4.2 Pengiktirafan MyHIJAU Mark

Pada masa ini, wujud pelbagai jenis tanda dan simbol “hijau” atau “eko” bagi produk atau perkhidmatan hijau yang menyebabkan kekeliruan di kalangan pengguna dan pembeli. Pengiktirafan MyHIJAU Mark ini diberikan melalui satu logo yang memudahkan pengguna dan pembeli mengenali produk dan perkhidmatan hijau yang sah dan disenaraikan di dalam Direktori MyHIJAU oleh MGTC. MyHIJAU Mark mengiktiraf produk, peralatan serta penyedia perkhidmatan yang memenuhi piawaian atau standard alam sekitar tempatan atau antarabangsa. Ia dijangka akan memberi keyakinan kepada pengguna dan meningkatkan pembelian produk hijau dalam menggalakkan amalan mampan.

Semua produk di bawah pengiktirafan MyHIJAU Mark telah dibahagikan kepada empat kategori mengikut pematuhan piawaian atau standard alam sekitar seperti dibawah:

- **Kategori Satu:**

  Skim pelabelan hijau atau alam sekitar yang telah mematuhi standard ISO 14024 (Eko Label Jenis Pertama).
  Contoh: SIRIM Eco Label (Malaysia), Germany Blue Angel, Thai Green Label, Environmental Choice Australia dan Korean Eco Label.

- **Kategori Dua:**

  Skim pelabelan hijau atau alam sekitar yang telah mematuhi standard ISO 14025 (Eko Label Jenis Ketiga)
  Contoh: SIRIM Product Carbon Footprint Label (Malaysia), Thailand’s Carbon Footprint Reduction Label, Korea Carbon Footprint Label dan Taiwan Product Carbon Footprint Reducing Label.

- **Kategori Tiga:**

  Skim pelabelan hijau atau alam sekitar yang telah diiktiraf sebagai *Other Type I-Like Voluntary Sustainable Scheme*; VSS

Contoh: Minimum Energy Performance Standard (ST), Water Efficient Products Labelling Scheme (SPAN), Forest Stewardship Council (FSC) dan Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC)

- **Kategori Empat:**

  Pematuhan Prestasi Piawaian *(Performance Standard Compliance)* yang berkaitan dengan kriteria alam sekitar
  Contoh: MS 2413:2011 (P) Spesifikasi Motosikal Elektrik Bahagian 3 (Ujian Prestasi)

Segala perkhidmatan hijau yang diiktiraf di bawah MyHIJAU Mark telah mematuhi kelayakan seperti dibawah:

- Mempunyai Dasar Syarikat atau Organisasi dan Standard Tatacara Pengoperasian *(Standard Operating Procedure; SOP)* yang berkaitan perkhidmatan alam sekitar yang disediakan serta
- Mempunyai tenaga pakar yang berkaitan alam sekitar dan mendapat pensijilan yang diiktiraf oleh MGTC.

4.3 Direktori MyHIJAU (*MyHIJAU Directory*)

Direktori MyHIJAU merupakan rujukan yang lengkap bagi produk dan penyedia perkhidmatan yang telah disahkan serta mendapat pengiktirafan MyHIJAU Mark, dikategorikan dengan maklumat terperinci berserta penerangan. Direktori ini akan menjadi sumber rujukan bagi perolehan hijau kerajaan dan kesemua syarikat dalam membuat keputusan pembelian hijau. Laman sesawang direktori hijau boleh dilayari di www.myhijau.my atau memuat naik aplikasi mudah alih (MyHIJAU) untuk mendapatkan maklumat produk dan perkhidmatan hijau yang telah berdaftar.



Laman sesawang: www.myhijau.my



Aplikasi mudah alih (MyHIJAU)

5. KAEDAH PELAKSANAAN GGP

Secara umumnya, pelaksanaan GGP adalah sama dengan kaedah perolehan bekalan atau perkhidmatan sedia ada yang bermula daripada proses perancangan, pengiklanan, penyediaan spesifikasi, penyediaan dokumen sebut harga atau tender, penilaian, penganugerahan pembekal atau kontraktor perhidmatan, pengurusan kontrak, pemantauan dan pelaporan pencapaian. Oleh itu, Kementerian atau Agensi Kerajaan perlu merujuk kepada tatacara dan prosedur perolehan semasa yang berkuat kuasa bagi melaksanakan sesuatu perolehan termasuk GGP.

Komponen yang paling penting di dalam pelaksanaan GGP adalah perancangan perolehan hijau pada peringkat awal, penyediaan spesifikasi berasaskan kriteria hijau dan penilaian dengan memberi pemberat kepada elemen hijau. Berdasarkan komponen ini, pembekal mempunyai maklumat bahawa Kementerian atau Agensi Kerajaan berkehendakkan bekalan atau perkhidmatan hijau dan seterusnya menawarkan bekalan atau perkhidmatan yang memenuhi spesifikasi hijau. Kementerian atau Agensi Kerajaan akan mendapat manfaat kerana memperolehi bekalan atau perkhidmatan yang dikehendaki berdasarkan keperluan dan pada masa yang sama mempunyai impak yang minimum kepada alam sekitar.

Proses pelaksanaan GGP terbahagi kepada enam (6) peringkat seperti berikut:



5.1 Perancangan Perolehan



5.1.1 Perancangan Perolehan Hijau (PPH)

Semasa di peringkat perancangan, Kementerian dengan kerjasama Jabatan dan Agensi di bawahnya hendaklah mengenalpasti keperluan perolehan yang melibatkan bekalan, perkhidmatan atau kerja bercirikan alam sekitar berdasarkan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) yang disediakan agar sasaran 20% Perolehan Hijau mengikut kumpulan produk dan perkhidmatan dapat dicapai oleh pihak Kementerian.

Keperluan perolehan hijau berkenaan perlulah dikemukakan melalui Perancangan Perolehan Hijau (PPH) yang disediakan secara tahunan selaras dengan PPT Kementerian. Dalam hal ini, PPH yang disediakan hendaklah dirujuk sebagai maklumat sokongan kepada PPT dan perlulah dikemukakan kepada MOF mengikut tempoh yang ditetapkan.

Di dalam menyediakan PPH ini, Kementerian serta Jabatan dan Agensi dibawahnya perlu mengenalpasti kategori, nilai keseluruhan serta nilai kumpulan produk atau perkhidmatan hijau yang dirancang untuk dibuat perolehan dalam tahun semasa menggunakan peruntukan Persekutuan di bawah Peruntukan Mengurus dan Pembangunan sedia ada yang telah diluluskan di bawah Kementerian dan Agensi Kerajaan. Sebagai maklumat sokongan kepada PPT Kementerian, PPH yang disediakan juga hendaklah disemak dan diperakukan oleh Pegawai Pengawal sebelum dikemukakan kepada MOF.

5.1.2 Pengurusan Permintaan

Penilaian keperluan perolehan yang tepat merupakan langkah pertama ke arah melaksanakan GGP. Perolehan produk dan perkhidmatan yang tidak perlu akan memberi kesan negatif terhadap alam sekitar dan menjadikan perbelanjaan tidak berhemah. Pengurusan permintaan yang berkesan boleh mengurangkan pembelian produk, mengurangkan jumlah atau jenis barang yang diperlukan serta

mengurangkan kekerapan pembelian atau penggantian barangan dan perkhidmatan tertentu.

Sehubungan itu, Kementerian dan Agensi Kerajaan hendaklah melaksanakan pengurusan permintaan secara berkesan bagi menilai semula keperluan perolehan berdasarkan langkah berikut:

- Melaksanakan program kecekapan menerusi audit penggunaan tenaga, air dan penjanaan sisa.
- Menggalakkan penggunaan aplikasi atau sistem atas talian bagi mengelakkan pembelian peralatan dan penjanaan sisa.
- Mengenalpasti keperluan perolehan berdasarkan peruntukan sedia ada.

5.1.3 Sumber Peruntukan

Setiap Kementerian dan Agensi Kerajaan hendaklah memastikan bahawa pelaksanaan GGP adalah menggunakan peruntukan sedia ada tanpa melibatkan sebarang permohonan peruntukan tambahan daripada Agensi Pusat.

Kementerian dan Agensi Kerajaan juga disaran menggunapakai instrumen Kos Kitaran Hayat (*Life Cycle Costing;* LCC) dalam membantu membuat keputusan perolehan yang lebih berkesan dan mendapat nilai faedah terbaik.

5.1.4 Analisa Pembekal Pasaran

Kementerian dan Agensi Kerajaan hendaklah melaksanakan analisa pembekal produk atau perkhidmatan hijau sedia ada di pasaran dalam membuat perancangan perolehan GGP bagi memastikan:

- Pengguna memahami ketersediaan produk atau perkhidmatan di pasaran tempatan.
- Isyarat pelaksanaan GGP disampaikan kepada pembekal atau kontraktor perkhidmatan.
- Pembekal dapat memenuhi permintaan melalui sesi dialog yang diadakan.
- Halangan daripada pembekal dikenalpasti.
- Bekalan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan mencukupi.

5.1.5 Kenalpasti Tajuk Perolehan

Kriteria alam sekitar hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam tajuk perolehan sebagai usaha untuk menunjukkan niat bagi mendapatkan produk dan perkhidmatan hijau. Sebagai contoh, pegawai perolehan boleh menyatakan tajuk perolehan secara khusus seperti **membekalkan peralatan ICT cekap tenaga** atau **menyediakan perkhidmatan pembersihan mesra alam**.

5.2 Penyediaan Spesifikasi

Bagi merealisasikan perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja bercirikan alam sekitar yang telah dirancang di dalam Perancangan Perolehan Hijau (PPH), Kementerian atau Agensi Kerajaan hendaklah mengenalpasti dan menyediakan spesifikasi sesuai dan menepati kriteria alam sekitar untuk dimasukkan sebagai spesifikasi produk atau perkhidmatan di dalam dokumen perolehan.

Semasa menyediakan spesifikasi bagi tujuan GGP, pegawai perolehan di Kementerian atau Agensi Kerajaan hendaklah menyatakan dengan jelas jenis produk atau perkhidmatan hijau yang akan diperoleh untuk menunjukkan niat mereka bagi mendapatkan produk dan perkhidmatan hijau. Sebagai contoh, pegawai perolehan boleh menyatakan bahawa bidang pengkhususannya ialah **untuk membekalkan peralatan ICT cekap tenaga** atau **untuk menyediakan perkhidmatan pembersihan mesra alam**. Dengan cara ini, pegawai perolehan telah menghantar isyarat dan menyatakan dengan jelas kepada pasaran untuk beranjak kepada GGP.

Dalam beberapa kes, spesifikasi bagi bidang pengkhususan sudah mengecualikan sesetengah jenis produk yang tidak mesra alam sekitar. Jika bidang pengkhususan menetapkan keperluan lampu cekap tenaga, secara tidak langsung penggunaan mentol lampu konvensional adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, bidang pengkhususan tidak boleh bersifat diskriminasi. Kriteria alam sekitar yang tepat perlu ditakrifkan dalam dokumen perolehan dalam bentuk spesifikasi teknikal atau kriteria penganugerahan.

Bagi GGP, spesifikasi teknikal hendaklah mengintegrasikan kriteria alam sekitar. Kriteria tersebut boleh dalam bentuk kriteria mandatori (*core criteria*) atau kriteria penganugerahan (*award criteria*). Kriteria mandatori adalah keperluan minima bagi menjamin prestasi alam sekitar barangan dan perkhidmatan yang minimum. Kriteria

mandatori direka untuk meminimumkan usaha verifikasi tambahan. Kriteria penganugerahan adalah lebih komprehensif dan mencabar. Kriteria penganugerahan tidak mandatori tetapi produk atau perkhidmatan yang memenuhi kriteria ini akan mendapatkan markah tambahan dalam proses penganugerahan. Kriteria penganugerahan membolehkan kita melihat sama ada pembekal boleh membekalkan produk atau menyediakan perkhidmatan dengan prestasi alam sekitar yang lebih baik atau sama pada kos yang tidak jauh berbeza (sedikit tinggi).

Antara ciri pematuhan kriteria alam sekitar adalah seperti berikut:

- Pengurangan intensiti penggunaan sumber asli dan tenaga (pembebasan gas rumah kaca yang rendah atau sifar).
- Pengurangan penyebaran bahan toksik (selamat, sihat dan minimum degradasi kualiti alam sekitar).
- Penggunaan maksimum sumber-sumber yang boleh diperbaharui.
- Peningkatan inisiatif kitar semula.

Sebagai panduan khusus kepada pegawai perolehan di Kementerian atau Agensi Kerajaan dalam menyediakan spesifikasi, menilai tawaran pembida serta memilih pembida yang berjaya bagi tujuan GGP, spesifikasi yang menepati kriteria hijau telah dibangunkan bagi 40 Kumpulan Produk. Dalam hal ini, Kementerian atau Agensi Kerajaan boleh merujuk kepada spesifikasi yang telah ditetapkan sebagai panduan pelaksanaan GGP semasa menyediakan spesifikasi teknikal bagi perolehan bekalan atau perkhidmatan yang dikategorikan sebagai kumpulan produk. Spesifikasi 40 kumpulan produk tersebut adalah seperti di **Lampiran PG-01 hingga PG-40**. Contoh dokumen teknikal tender adalah seperti di **Lampiran 2**.

Walau bagaimanapun, kumpulan produk atau perkhidmatan hijau GGP yang boleh dilaksanakan oleh Kementerian atau Agensi Kerajaan adalah tidak terhad kepada 40 kumpulan produk dan perkhidmatan tersebut sahaja. Kementerian atau Agensi Kerajaan boleh memilih untuk melaksanakan GGP bagi kumpulan produk atau perkhidmatan lain yang menepati kriteria seperti berikut:

- Pertimbangan belanjawan
- Ketersediaan piawaian (standard)
- Impak alam sekitar
- Kesediaan pembekal tempatan


Bagi menentukan spesifikasi dan kriteria penilaian terhadap kumpulan produk atau perkhidmatan yang tidak dinyatakan di dalam Garis Panduan GGP, Kementerian atau Agensi Kerajaan boleh merujuk kepada MGTC untuk mendapatkan khidmat nasihat atau kepakaran mereka berhubung keperluan teknikal GGP untuk kumpulan produk atau perkhidmatan berkenaan. Kumpulan produk akan dibangunkan dan ditambah dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, adalah wajar untuk Kementerian atau Agensi Kerajaan merujuk terus kepada MGTC dalam aspek penentuan spesifikasi produk atau perkhidmatan hijau GGP yang ingin dilaksanakan berdasarkan kapasiti dan kepakaran teknikal MGTC.

5.3 Penilaian dan Penganugerahan

Kriteria penganugerahan perlu ditentukan dan diisytiharkan sebelum sesuatu perolehan dinilai. Ini termasuk pemberat (*weightage*) bagi setiap kriteria penganugerahan. Contoh kriteria penganugerahan ialah tambahan kriteria alam sekitar, pematuhan kepada standard pengurusan alam sekitar, Kos Kitaran Hayat, kursus latihan berkaitan alam sekitar dan lain-lain. Ini adalah bagi memastikan pembida memahami kehendak dan keperluan sebenar Kementerian atau Agensi Kerajaan serta kriteria produk atau perkhidmatan hijau yang perlu dibekalkan atau disediakan.

Kos Kitaran Hayat (LCC) adalah merupakan instrumen bagi mengenalpasti jumlah kos yang dianggarkan bagi sesuatu aset pada keseluruhan fasa kitar hayatnya merangkumi kos pemerolehan dan kos pemilikan. LCC boleh digunakan sebagai alat untuk menilai perbezaan produk dan perkhidmatan dari aspek kewangan. Selain kos pemerolehan, LCC juga mengambil kira kos operasi (seperti kos tenaga), kos penyelenggaraan dan kos pelupusan.





Konsep Kos Kitaran Hayat

Syarat-syarat kriteria penganugerahan adalah seperti berikut:

- Berkaitan dengan subjek Perolehan dan boleh disahkan.
- Memastikan layanan yang sama kepada semua pembekal dan kontraktor perkhidmatan.
- Sepertimana yang dinyatakan dalam dokumen sebutharga atau tender.

Semua perolehan yang diterima hendaklah dikaji dan dinilai sebelum cadangan dibuat kepada Pihak Berkuasa Melulus. Perolehan yang paling menguntungkan Kerajaan dan memenuhi kriteria alam sekitar yang ditetapkan hendaklah disyorkan. Cadangan markah penilaian ini adalah berbeza dan tertakluk kepada kesesuaian atau keperluan Kementerian atau Agensi Kerajaan. Contoh penilaian tender yang melibatkan kriteria alam sekitar di dalam pelaksanaan GGP seperti di bawah:

Bil.	Kriteria Penilaian	Pemberat (%)
1	Teknikal (Mandatori) • Kriteria Mandatori Utama (Kualiti & Keselamatan) • Kriteria Mandatori GGP Perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:	LULUS / GAGAL

	• Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA** • Mempunyai kriteria cekap tenaga yang mematuhi Standard Minima Prestasi Tenaga (*Minimum Energy Performance Standard;* MEPS) dan mendapat pensijilan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga Malaysia.	LULUS / GAGAL
2	Teknikal (Penganugerahan) • Kriteria Penganugerahan GGP (30%) • Kriteria Penganugerahan yang Lain (40%)	70
3	Kewangan	30
	JUMLAH	**100**
Bil.	**Kriteria Penganugerahan GGP**	**Pemberat (%)**
1	Menggunakan bahan pembungkusan biodegradasi atau mudah kompos yang mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) **serta** mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM (*Biodegradable & Compostable Plastic Packaging Materials)* yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.	10
2	Menyediakan Dasar Ambil Semula (*Buy-back Policy*) untuk produk atau peralatan terpakai dan telah digunakan bagi tujuan guna semula atau kitar semula.	10
3	Pematuhan kepada Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)*	10
	JUMLAH	**30**

Tawaran oleh pembida dalam spesifikasi teknikal perlu disahkan oleh Kementerian atau Agensi Kerajaan bagi memastikan pembekal atau kontraktor perkhidmatan memenuhi syarat-syarat keperluan alam sekitar yang ditetapkan. Kementerian dan Agensi Kerajaan boleh merujuk kepada pengiktirafan *MyHIJAU Mark* dan badan pensijilan atau pengesahan tempatan atau antarabangsa yang lain seperti di

Lampiran 3. Kementerian atau Agensi Kerajaan boleh merujuk kepada MGTC bagi memastikan kesasihan sesuatu label hijau atau alam sekitar yang dikemukakan oleh pembekal atau kontraktor perkhidmatan. Jika syarikat atau kontraktor perkhidmatan mengemukakan laporan ujian teknilal atau sijil pengesahan label hijau selain daripada yang dinyatakan, Kementerian atau Agensi Kerajaan hendaklah melaksanakan proses verifikasi dengan agensi teknikal dan juga MGTC.

Contoh kaedah verifikasi untuk kriteria mandatori dan penganugerahan di dalam pelaksanaan GGP seperti berikut:

Kriteria Mandatori atau Penganugerahan	Kaedah Verifikasi
Produk cat perlu memenuhi syarat-syarat kriteria mandatori seperti berikut: • Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA** • Mempunyai kriteria kandungan bahan cemar yang mematuhi Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM *(Paints*) dan mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.	Dokumen sokongan atau sijil-sijil • Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre • Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
Markah tambahan akan diberikan kepada produk cat yang memenuhi kriteria berikut: • Kilang pembuat produk tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar atau kecekapan tenaga daripada aktiviti pembuatan dan mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.	Dokumen sokongan atau sijil-sijil • Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

5.4 Pelantikan Pembekal atau Kontraktor Perkhidmatan

Kementerian atau Agensi Kerajaan hendaklah memastikan pembekal atau kontraktor perkhidmatan yang dilantik adalah berdasarkan kepada prinsip, dasar dan peraturan perolehan Kerajaan, syarat-syarat utama serta nilai faedah perolehan yang terbaik. Pada masa yang sama, perolehan tersebut hendaklah memenuhi kriteria alam sekitar yang telah ditetapkan.

Proses perolehan selepas penganugerahan pembekal atau kontraktor perkhidmatan seperti Surat Setuju Terima, bon pelaksanaan dan dokumen kontrak adalah selaras dengan tatacara dan prosedur perolehan semasa yang berkuat kuasa.

5.5 Pengurusan Perjanjian atau Kontrak

Kementerian atau Agensi Kerajaan adalah dikehendaki mengambil perhatian berkenaan pengurusan dan pentadbiran perjanjian atau kontrak. Ini adalah bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan memastikan bahawa penetapan klausa mesra alam dinyatakan dengan jelas dan dipatuhi sepenuhnya oleh pembekal atau kontraktor perkhidmatan. Pemantauan kontrak yang sedang berkuat kuasa hendaklah dilaksanakan dengan teliti dan teratur dari semasa ke semasa bagi mengesan dan mengenal pasti masalah pelaksanaan kontrak dari peringkat awal lagi.

Contoh klausa kontrak melibatkan perolehan Perkhidmatan Pembersihan adalah seperti berikut:

- Syarikat tidak disabitkan atas kesalahan alam sekitar (melanggar undang-undang atau alam sekitar) semasa proses tender dan tempoh kontrak.
- Produk dibekalkan secara pukal dan di luar waktu puncak.
- Pelupusan produk atau pembungkusan daripada produk:
    i. Produk atau pembungkusan diambil untuk guna semula.
    ii. Pengurusan kitar semula atau pelupusan bersesuaian oleh kontraktor.
- Bahan pembungkusan mengandungi kandungan minimum bahan kitar semula.
- Latihan pekerja kontraktor:
    i. Pekerja dilatih mengenai kesan alam sekitar dan prosedur amalan hijau (pengurusan sisa, air atau tenaga secara cekap).
    ii. Panduan jelas dan latihan kepada pekerja kontraktor berkenaan jumlah yang betul dari segi penggunaan bahan pembersihan.

5.6 Pemantauan, Pelaporan dan Penilaian

Pemantauan, pelaporan dan penilaian GGP dilaksanakan bagi memenuhi beberapa tujuan: Pertama, aktiviti ini akan memastikan bahawa pelan tindakan dilaksanakan dengan terancang. Sebarang isu dan kekangan yang dihadapi dalam pelaksanaan GGP perlu ditangani dengan segera. Kedua, pelaporan pelaksanaan GGP dapat memberikan maklumat yang diperlukan bagi menyokong keperluan pelaksanaan LTAP. Segala isu dan kekangan hendaklah dianalisa dan dilaporkan kepada Jawatankuasa GGP. Ketiga, pelaksanaan GGP hendaklah dipantau dan dinilai oleh pelaksana bagi mengukur keberkesanan GGP di setiap Kementerian atau Agensi Kerajaan ke arah merealisasikan sasaran yang telah dipersetujui. Sistem ini perlu sejajar dengan prosedur pemantauan dan penilaian yang sedia ada. Di samping itu, sistem pemantauan dan penilaian yang baharu dapat memberikan pelaporan pencapaian yang lebih berkesan dan teratur.

5.6.1 Pemantauan dan Pelaporan

Proses pemantauan dan pelaporan akan memberi tumpuan kepada 40 kumpulan produk dan perkhidmatan yang dinyatakan di dalam garis panduan ini. Walau bagaimanapun, proses aktiviti ini tidak terhad kepada 40 kumpulan produk dan perkhidmatan tersebut bagi menggalakkan semua Kementerian dan Agensi Kerajaan mengguna pakai teknologi hijau mengikut kesesuaian aktiviti perolehan dan projek di Kementerian atau Agensi Kerajaan masing-masing. Pengurusan kontrak akan dimasukkan ke dalam proses pemantauan mengikut kesesuaian.

Kementerian atau Agensi Kerajaan perlu melaporkan pelaksanaan GGP secara berkala dua (2) kali setahun kepada MOF dan MGTC iaitu pada setiap bulan Jun dan Disember. Proses pelaporan hendaklah menggunakan format pelaporan GGP yang telah disediakan oleh pihak MOF. Laporan pelaksanaan GGP setiap Kementerian dan Agensi dibawahnya akan diteliti dan dianalisa oleh MGTC untuk menilai pencapaian pelaksanaan GGP dan jumlah pengurangan CO2. Laporan pencapaian akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu GGP.

Berikut adalah beberapa maklumat yang perlu disediakan oleh Kementerian atau Agensi Kerajaan untuk pelaporan GGP seperti dibawah:

- Bahagian, Jabatan atau Agensi
- Kategori Perolehan (Bekalan, Perkhidmatan, Perunding atau Kerja)

- Tajuk Perolehan
- Nilai Keseluruhan Perolehan Produk atau Perkhidmatan (RM)
- Kumpulan Produk atau Perkhidmatan Hijau yang Dilaksanakan Perolehan
- Nilai Perolehan Mengikut Kumpulan Produk atau Perkhidmatan Hijau (RM)
- Tarikh Perolehan
- Kuantiti dan Unit
- Kapasiti Penjanaan Tenaga (contoh: tenaga solar PV, solar thermal, dan sebagainya)
- Jenama atau Model
- Harga per Unit (RM)
- Syarikat, Pembekal atau Kontraktor Perkhidmatan
- Spesifikasi atau Kriteria Mesra Alam
- Verifikasi atau Pembuktian (Label, Pensijilan atau Lain-Lain Dokumen Sokongan)
- Pegawai untuk Dihubungi (Nama, telefon dan emel)

5.6.2 Penilaian

Penilaian yang sistematik adalah diperlukan bukan sahaja untuk mengukur kesan sistem GGP kepada ekonomi dan alam sekitar. Ini akan membolehkan penambahbaikan GGP dengan mengenalpasti dan menyelesaikan masalah melalui pelaksanaan yang lebih baik. *GGP Core Team* dan agensi pelaksana adalah bertanggungjawab untuk membuat penilaian. Aktiviti kaji selidik akan diadakan bagi menilai pengalaman pegawai perolehan dan kakitangan lain yang terlibat. Penilaian ini akan mengenal pasti isu dan kekangan sedia ada dan menyediakan maklumat yang diperlukan melalui kaedah alternatif untuk mengoptimumkan proses pelaksanaan GGP pada masa hadapan.

PG-01

KRITERIA KHUSUS UNTUK PERALATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi peralatan ICT adalah:

- Penggunaan tenaga elektrik
- Penggunaan kandungan bahan cemar yang berbahaya
- Penghasilan sisa bahan terpakai
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggunakan tenaga elektrik yang cekap
- Menggunakan kandungan bahan cemar yang terhad
- Menguruskan sisa bahan terpakai secara mampan seperti guna semula atau kitar semula
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Membekal peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk kegunaan rasmi kementerian atau agensi melalui proses pembelian atau sewaan seperti komputer meja dan komputer riba *(notebook* atau *laptop)*.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Peralatan ICT perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Mempunyai kriteria cekap tenaga yang mematuhi pensijilan *ENERGY STAR atau Electronic Product Environmental Assessment Tool (EPEAT)* yang dikeluarkan oleh United States Environmental Protection Agency atau mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada peralatan ICT yang memenuhi kriteria berikut:

- Mempunyai kriteria kandungan bahan cemar yang mematuhi pensijilan *Electronic Product Environmental Assessment Tool (EPEAT)* yang dikeluarkan oleh United States Environmental Protection Agency atau *Electronic Stewardship (e-Stewards)* yang dikeluarkan oleh Basel Action Network.
- Menyediakan Dasar Ambil Semula (*Buy-back Policy*) untuk peralatan ICT yang terpakai dan telah digunakan bagi tujuan guna semula atau kitar semula peralatan tersebut.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, pembekal perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Sijil *ENERGY STAR atau Electronic Product Environmental Assessment Tool (EPEAT)* daripada United States Environmental Protection Agency **atau** mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Sijil *Electronic Product Environmental Assessment Tool (EPEAT)* daripada United States Environmental Protection Agency; **atau** Sijil *Electronic Stewardship (e-Stewards)* daripada Basel Action Network.
- Dasar Ambil Semula (*Buy-back Policy*) yang disediakan oleh pembekal atau pengeluar peralatan tersebut.

6. RUJUKAN

- United States Environmental Protection Agency - *ENERGY STAR Program*
- United States Environmental Protection Agency - *Electronic Product Environmental Assessment Tool (EPEAT)*
- Basel Action Network - *Electronic Stewardship (e-Stewards)*

PG-02
KRITERIA KHUSUS UNTUK CAT

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi produk cat adalah:

- Penggunaan kandungan bahan cemar yang berbahaya
- Penghasilan sisa bahan pembungkusan
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian dan aktiviti pembuatan

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggunakan kandungan bahan cemar yang terhad
- Menguruskan sisa bahan pembungkusan secara mampan seperti guna semula atau kitar semula
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Membekal produk cat untuk kerja-kerja mengecat di bangunan pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Produk cat perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Mempunyai kriteria kandungan bahan cemar yang mematuhi Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM *(Paints*) dan mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada produk cat yang memenuhi kriteria berikut:

- Menyediakan Dasar Ambil Semula (*Buy-back Policy*) untuk sisa bahan pembungkusan yang terpakai dan telah digunakan bagi tujuan guna semula atau kitar semula.
- Kilang pembuat produk tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar

atau kecekapan tenaga daripada aktiviti pembuatan dan mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, pembekal perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Dasar Ambil Semula (*Buy-back Policy*) yang disediakan oleh pembekal atau pengeluar produk tersebut.
- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

6. RUJUKAN

- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM – *Paints*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*
- Standard ISO 50001: *Energy Management System*

PG-03
KRITERIA KHUSUS UNTUK SIMEN GENTIAN

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi produk simen gentian adalah:

- Penggunaan kandungan bahan cemar atau toksik yang berbahaya
- Penggunaan sumber bahan semulajadi
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian dan aktiviti pembuatan

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggunakan kandungan bahan cemar atau toksik yang terhad
- Menggunakan sumber bahan semulajadi secara mampan seperti kitar semula
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Membekal produk simen gentian untuk digunakan sebagai bahan binaan bangunan terutama pejabat-pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam. Produk tersebut akan terdedah secara langsung atau tidak kepada cahaya matahari, hujan atau mana-mana keadaan iklim yang lain semasa penggunaannya dalam keadaan bersalut (*coated*) atau tidak bersalut (*uncoated*).

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Produk simen gentian perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Mempunyai kriteria kandungan bahan cemar dan kitar semula yang mematuhi Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM *(Fibre Cement Products*) dan mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada produk simen gentian yang memenuhi kriteria berikut:

- Kilang pembuat produk tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar

atau kecekapan tenaga daripada aktiviti pembuatan dan mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, pembekal perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

6. RUJUKAN

- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Fibre Cement Products*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*
- Standard ISO 50001: *Energy Management System*

PG-04
KRITERIA KHUSUS UNTUK LAMPU DALAMAN

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi produk lampu dalaman adalah:

- Penggunaan tenaga elektrik
- Penggunaan kandungan bahan cemar yang berbahaya
- Penggunaan sumber bahan terutama pembungkusan
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian dan aktiviti pembuatan

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggunakan tenaga elektrik yang cekap
- Menggunakan kandungan bahan cemar yang terhad
- Menggunakan sumber bahan terutama pembungkusan biodegradasi atau mudah kompos
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Membekal lampu dalaman untuk bangunan pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Produk lampu dalaman perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Mempunyai kriteria cekap tenaga yang mematuhi Standard Minima Prestasi Tenaga (*Minimum Energy Performance Standard;* MEPS) dan mendapat pensijilan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga Malaysia.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada produk lampu dalaman yang memenuhi kriteria berikut:

- Mempunyai kriteria kandungan bahan cemar yang mematuhi Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM *(Luminaires for Indoor Lightings)* dan mendapat Skim

Pelabelan Eko SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

- Menggunakan bahan pembungkusan biodegradasi atau mudah kompos yang mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) **serta** mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM (*Biodegradable & Compostable Plastic Packaging Materials)* yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Kilang pembuat produk tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar atau kecekapan tenaga daripada aktiviti pembuatan dan mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, pembekal perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Sijil Perakuan Kelulusan *(Certificate of Acceptance)* MEPS daripada Suruhanjaya Tenaga Malaysia.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (**produk lampu dalaman**).
- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre serta Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (**bahan pembungkusan**).
- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

6. RUJUKAN

- Suruhanjaya Tenaga Malaysia - *Guide on Minimum Energy Performance Standard (MEPS) for Lamps*

- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Luminaires for Indoor Lightings*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Biodegradable & Compostable Plastic Packaging Materials*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*
- Standard ISO 50001: *Energy Management System*

PG-05
KRITERIA KHUSUS UNTUK KERTAS

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi produk kertas adalah:

- Kemusnahan hutan dan alam semula jadi
- Penghasilan sisa bahan terpakai
- Penggunaan kandungan bahan cemar yang berbahaya
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian dan aktiviti pembuatan

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggalakkan pengurusan hutan secara mampan
- Menguruskan sisa bahan terpakai secara mampan seperti guna semula atau kitar semula
- Menggunakan kandungan bahan cemar yang terhad
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Membekal produk kertas untuk kegunaan di pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam. Kriteria produk termasuk kertas yang digunakan untuk menulis, mencetak dan menyalin sehingga 170g/m2 seperti kertas A3 dan A4.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Produk kertas perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
    i. Mempunyai kriteria kandungan kitar semula dan bahan cemar yang mematuhi Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM *(Recycled Paper*) dan mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. **atau**
    ii. Mematuhi skim pengurusan hutan secara mampan *(Forest Stewardship-Chain of Custody)* dan mendapat pensijilan Forest Stewardship Council (FSC) yang dikeluarkan oleh FSC Malaysia **atau** Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC) yang dikeluarkan oleh Malaysian Timber Certification Council.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada produk kertas yang memenuhi kriteria berikut:

- Kilang pembuat produk tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar atau kecekapan tenaga daripada aktiviti pembuatan dan mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, pembekal perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. **atau** Lesen Pensijilan Forest Stewardship Council (FSC) daripada FSC Malaysia **atau** Lesen Pensijilan Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC) daripada Malaysian Timber Certification Council.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

6. RUJUKAN

- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Recycled Paper*
- FSC Malaysia - *Forest Stewardship Council (FSC)*
- Malaysian Timber Certification Council - *Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC)*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*
- Standard ISO 50001: *Energy Management System*

PG-06
KRITERIA KHUSUS UNTUK TEKSTIL

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi produk tekstil adalah:

- Kemusnahan tanaman dan alam semula jadi
- Penghasilan sisa bahan terpakai
- Penggunaan kandungan bahan cemar yang berbahaya
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian dan aktiviti pembuatan

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggalakkan pengurusan tanaman secara mampan
- Menguruskan sisa bahan terpakai secara mampan seperti guna semula atau kitar semula
- Menggunakan kandungan bahan cemar yang terhad
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Membekal produk tekstil (gentian asli dan gentian sintetik) untuk kegunaan di sektor kerajaan seperti pakaian seragam atau uniform.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Produk tekstil perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
    i. Mempunyai kriteria kandungan gentian asli (organik), gentian sintetik dan bahan cemar yang mematuhi Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM *(Apparel and Textile Products from Natural Fibres* atau *Apparel and Textile from Man-made Fibres & Filaments*) dan mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. **atau**
    ii. Mematuhi skim gentian organik semulajadi *(Organic Fibres)* dan mendapat pensijilan Global Organic Textile Standard (GOTS) yang dikeluarkan oleh badan pensijilan yang diiktiraf oleh GOTS Council **atau**

Organic 100 Content Standard yang dikeluarkan oleh Organic Exchange.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada produk tekstil yang memenuhi kriteria berikut:

- Kilang pembuat produk tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar atau kecekapan tenaga daripada aktiviti pembuatan dan mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, pembekal perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. **atau** Lesen Pensijilan Global Organic Textile Standard (GOTS) daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh GOTS Council **atau** Lesen Pensijilan Organic 100 Content Standard daripada Organic Exchange.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

6. RUJUKAN

- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Apparel and Textile Products from Natural Fibres*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Apparel and Textile from Man-made Fibres & Filaments*

- Global Organic Textile Standard (GOTS) - *Global Organic Textile Standard*
- Organic Exchange - *Organic 100 Content Standard*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*
- Standard ISO 50001: *Energy Management System*

PG-07
KRITERIA KHUSUS UNTUK PERABOT BERASASKAN KAYU

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi produk perabot berasaskan kayu adalah:

- Kemusnahan hutan dan alam semula jadi
- Penghasilan sisa bahan terpakai
- Penggunaan kandungan bahan cemar yang berbahaya
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian dan aktiviti pembuatan

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggalakkan pengurusan hutan secara mampan
- Menguruskan sisa bahan terpakai secara mampan seperti guna semula atau kitar semula
- Menggunakan kandungan bahan cemar yang terhad
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Membekal perabot dalaman berasaskan kayu untuk kegunaan di pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Produk perabot dalaman berasaskan kayu perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
    i. Mempunyai kriteria kandungan guna semula atau kitar semula dan bahan cemar yang mematuhi Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM *(Wood and Wood Based Material* atau *Workstation*) dan mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. **atau**
    ii. Mematuhi skim pengurusan hutan secara mampan *(Forest Stewardship-Chain of Custody)* dan mendapat pensijilan Forest Stewardship Council (FSC) yang dikeluarkan oleh FSC Malaysia **atau** Programme for the

Endorsement of Forest Certification (PEFC) yang dikeluarkan oleh Malaysian Timber Certification Council.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada produk perabot dalaman berasaskan kayu yang memenuhi kriteria berikut:

- Menggunakan bahan pembungkusan biodegradasi atau mudah kompos yang mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) **serta** mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM (*Biodegradable & Compostable Plastic Packaging Materials)* yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Kilang pembuat produk tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar atau kecekapan tenaga daripada aktiviti pembuatan dan mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, pembekal perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. **atau** Lesen Pensijilan Forest Stewardship Council (FSC) daripada FSC Malaysia **atau** Lesen Pensijilan Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC) daripada Malaysian Timber Certification Council.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre serta Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (**bahan pembungkusan**).
- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang

diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

6. RUJUKAN

- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Wood and Wood Based Material*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Workstation*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Biodegradable & Compostable Plastic Packaging Materials*
- FSC Malaysia - *Forest Stewardship Council (FSC)*
- Malaysian Timber Certification Council - *Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC)*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*
- Standard ISO 50001: *Energy Management System*

PG-08
KRITERIA KHUSUS UNTUK PENCETAK SERBAGUNA

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi peralatan pencetak serbaguna adalah:

- Penggunaan tenaga elektrik
- Penggunaan kandungan bahan cemar yang berbahaya
- Penghasilan sisa bahan terpakai
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggunakan tenaga elektrik yang cekap
- Menggunakan kandungan bahan cemar yang terhad
- Menguruskan sisa bahan terpakai secara mampan seperti guna semula atau kitar semula
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Membekal peralatan pencetak serbaguna yang boleh melakukan dua atau lebih fungsi teras seperti menyalin, mencetak, faksimili atau mengimbas untuk kegunaan di pejabat kerajaan, hospital dan sekolah melalui proses pembelian atau sewaan.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Peralatan pencetak serbaguna perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Mempunyai kriteria cekap tenaga yang mematuhi salah satu pensijilan yang diiktiraf seperti berikut:
    i. *ENERGY STAR atau Electronic Product Environmental Assessment Tool (EPEAT)* yang dikeluarkan oleh United States Environmental Protection Agency.
    ii. *UL Energy Efficiency Certification Program* yang dikeluarkan oleh UL Environment Inc.

iii. *StarGuard Energy Performance Certification Program* yang dikeluarkan oleh Keystone Certifications Inc. **atau**

iv. mana-mana skim pensijilan hijau yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada peralatan pencetak serbaguna yang memenuhi kriteria berikut:

- Mempunyai kriteria kandungan bahan cemar yang mematuhi pensijilan *Electronic Product Environmental Assessment Tool (EPEAT)* yang dikeluarkan oleh United States Environmental Protection Agency **atau** *Electronic Stewardship (e-Stewards)* yang dikeluarkan oleh Basel Action Network **atau** mana-mana skim pensijilan hijau yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.
- Menyediakan Dasar Ambil Semula (*Buy-back Policy*) untuk peralatan pencetak serbaguna yang terpakai dan telah digunakan bagi tujuan guna semula atau kitar semula peralatan tersebut.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, pembekal perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Sijil *ENERGY STAR atau Electronic Product Environmental Assessment Tool (EPEAT)* daripada United States Environmental Protection Agency **atau** Sijil *UL Energy Efficiency Certification Program* daripada UL Environment Inc **atau** Sijil *StarGuard Energy Performance Certification Program* daripada Keystone Certifications Inc **atau** mana-mana skim pensijilan hijau yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Sijil *Electronic Product Environmental Assessment Tool (EPEAT)* daripada

United States Environmental Protection Agency **atau** Sijil *Electronic Stewardship (e-Stewards)* daripada Basel Action Network **atau** mana-mana skim pensijilan hijau yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

- Dasar Ambil Semula (*Buy-back Policy*) yang disediakan oleh pembekal atau pengeluar peralatan tersebut.

6. RUJUKAN

- United States Environmental Protection Agency - *ENERGY STAR Program*
- United States Environmental Protection Agency - *Electronic Product Environmental Assessment Tool (EPEAT)*
- UL Environment Inc. - *UL Energy Efficiency Certification Program*
- Keystone Certifications Inc. - S*tarGuard Energy Performance Certification Program*
- Basel Action Network - *Electronic Stewardship (e-Stewards)*

PG-09
KRITERIA KHUSUS UNTUK PENYAMAN UDARA

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi sistem penyaman udara adalah:

- Penggunaan tenaga elektrik
- Penggunaan kandungan bahan cemar yang berbahaya
- Penggunaan sumber bahan terutama pembungkusan
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian dan aktiviti pembuatan

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggunakan tenaga elektrik yang cekap
- Menggunakan kandungan bahan cemar yang terhad
- Menggunakan sumber bahan terutama pembungkusan biodegradasi atau mudah kompos
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Membekal sistem penyaman udara (*split unit*) yang berkapasiti 2.5hp dan ke bawah untuk kegunaan di bangunan pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Sistem penyaman udara perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Mempunyai kriteria cekap tenaga dan kandungan bahan cemar yang mematuhi Standard Minima Prestasi Tenaga (*Minimum Energy Performance Standard;* MEPS) dan mendapat pelabelan Penarafan 5 Bintang (*5-Star Rating*) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga Malaysia.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada sistem penyaman udara yang memenuhi kriteria berikut:

- Mempunyai kriteria kandungan guna semula atau kitar semula dan bahan cemar yang mematuhi Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM *(Air Conditioners*) dan mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Menggunakan bahan pembungkusan biodegradasi atau mudah kompos yang mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) **serta** mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM (*Biodegradable & Compostable Plastic Packaging Materials)* yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Kilang pembuat peralatan tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar atau kecekapan tenaga daripada aktiviti pembuatan dan mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, pembekal perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Sijil Perakuan Kelulusan *(Certificate of Acceptance)* MEPS daripada Suruhanjaya Tenaga Malaysia.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre serta Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (**bahan pembungkusan**).
- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

6. RUJUKAN

- Suruhanjaya Tenaga Malaysia - *Guide on Minimum Energy Performance Standard (MEPS) for Air Conditioner with Cooling Capacity ≤ 7.1kW*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Air Conditioners*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Biodegradable & Compostable Plastic Packaging Materials*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*
- Standard ISO 50001: *Energy Management System*

PG-10
KRITERIA KHUSUS UNTUK PRODUK PEMBUNGKUSAN

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi produk pembungkusan adalah:

- Penghasilan sisa bahan terbuang
- Penggunaan kandungan bahan cemar atau toksik yang berbahaya
- Penggunaan sumber bahan semulajadi
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian dan aktiviti pembuatan

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menguruskan sisa bahan terbuang secara mampan seperti biodegradasi atau pengkomposan
- Menggunakan kandungan bahan cemar atau toksik yang terhad
- Menggunakan sumber bahan semulajadi secara mampan seperti kitar semula
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Membekal produk pembungkusan untuk kegunaan di jabatan kerajaan meliputi pembungkusan makanan (sebagai contoh pinggan, sudu, bekas minuman dan makanan) dan produk bukan makanan (sebagai contoh beg plastik, beg cenderamata dan bekas ubat).

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Produk pembungkusan perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Mempunyai kriteria kandungan bahan cemar dan kitar semula yang mematuhi Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM *(Biodegradable & Compostable Plastic Packaging Materials* atau *Biomass Based Products for Food-contact Applications*) dan mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada produk pembungkusan yang memenuhi kriteria berikut:

- Kilang pembuat produk tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar atau kecekapan tenaga daripada aktiviti pembuatan dan mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, pembekal perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

6. RUJUKAN

- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Biodegradable & Compostable Plastic Packaging Materials*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Biomass Based Products for Food-contact Applications*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*
- Standard ISO 50001: *Energy Management System*

PG-11
KRITERIA KHUSUS UNTUK PERALATAN CEKAP AIR

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi peralatan cekap air adalah:

- Penggunaan sumber air
- Penggunaan kandungan bahan cemar atau toksik yang berbahaya
- Penggunaan sumber bahan semulajadi
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian dan aktiviti pembuatan

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggunakan sumber air yang cekap
- Menggunakan kandungan bahan cemar atau toksik yang terhad
- Menggunakan sumber bahan semulajadi secara mampan seperti guna semula atau kitar semula
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Membekal peralatan cekap air termasuk paip basin, paip sinki, pancuran air, paip wuduk, peralatan tandas, tempat buang air kecil dan kepala pancuran untuk kegunaan di bangunan pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Peralatan cekap air perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Mempunyai kriteria cekap air yang mematuhi Skim Pelabelan Produk Cekap Air (*Water Efficient Products Labelling Scheme*; WEPLS) dan mendapat pelabelan Penarafan 3 atau 2 Bintang (*3-Star or 2-Star Rating*) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara Malaysia.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada peralatan cekap air yang memenuhi kriteria berikut:

- Mempunyai kriteria kandungan guna semula atau kitar semula dan bahan cemar yang mematuhi Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM *(Ceramic Sanitary Wares, Water Closet, Water Taps, Showerhead or Urinal*) dan mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Kilang pembuat peralatan tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar atau kecekapan tenaga daripada aktiviti pembuatan dan mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, pembekal perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Surat Perakuan Pendaftaran WEPLS daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara Malaysia.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

6. RUJUKAN

- Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara Malaysia - *Guidelines for Voluntary Water Efficient Products Labelling Scheme (WEPLS)*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Ceramic Sanitary Wares*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Water Closet*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Water Taps*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Showerhead*

- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Urinal*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*
- Standard ISO 50001: *Energy Management System*

PG-12
KRITERIA KHUSUS UNTUK SISTEM PENUAIAN AIR HUJAN

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi sistem penuaian air hujan adalah:

- Penggunaan sumber air
- Penggunaan kandungan bahan cemar atau toksik yang berbahaya
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian dan aktiviti pembuatan

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggunakan sumber air yang cekap
- Menggunakan kandungan bahan cemar atau toksik yang terhad
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Membekal Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) untuk penggunaan tadahan air hujan *(rain water harvesting)* atau air kitar semula *(non-potable water)* di bangunan pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam. Sistem ini adalah bagi mengurangkan penggunaan air bersih dan hanya untuk kegunaan luaran sahaja.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Sistem penuaian air hujan perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Mempunyai kriteria kandungan bahan cemar atau toksik yang mematuhi Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM *(Rainwater Harvesting System*) dan mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada sistem penuaian air hujan yang memenuhi kriteria berikut:

- Kilang pembuat peralatan sistem tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar atau kecekapan tenaga daripada aktiviti pembuatan dan

mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, pembekal perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

6. RUJUKAN

- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Rainwater Harvesting System*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*
- Standard ISO 50001: *Energy Management System*

PG-13
KRITERIA KHUSUS UNTUK ALAT TULIS BERASASKAN KERTAS

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi produk alat tulis berasaskan kertas adalah:

- Kemusnahan hutan dan alam semula jadi
- Penghasilan sisa bahan terpakai
- Penggunaan kandungan bahan cemar yang berbahaya
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian dan aktiviti pembuatan

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggalakkan pengurusan hutan secara mampan
- Menguruskan sisa bahan terpakai secara mampan seperti kitar semula
- Menggunakan kandungan bahan cemar yang terhad
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Membekal produk alat tulis berasaskan kertas untuk kegunaan di pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam. Ia merangkumi produk akhir kertas (*finished paper products*) seperti sampul surat, kertas tulis, buku nota, buku latihan, buku lukisan, indeks dan pembahagi, folder, fail dan lain-lain kecuali kertas pendua berkarbon.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Produk alat tulis berasaskan kertas perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
    i. Mempunyai kriteria kandungan kitar semula dan bahan cemar yang mematuhi Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM *(Recycled Paper* atau *Paper Based Packaging Products*) dan mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. **atau**
    ii. Mematuhi skim pengurusan hutan secara mampan *(Forest Stewardship-Chain of Custody)* dan mendapat pensijilan Forest Stewardship Council (FSC) yang dikeluarkan oleh FSC Malaysia **atau** Programme for the

Endorsement of Forest Certification (PEFC) yang dikeluarkan oleh Malaysian Timber Certification Council.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada produk alat tulis berasaskan kertas yang memenuhi kriteria berikut:

- Kilang pembuat produk tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar atau kecekapan tenaga daripada aktiviti pembuatan dan mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, pembekal perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. **atau** Lesen Pensijilan Forest Stewardship Council (FSC) daripada FSC Malaysia **atau** Lesen Pensijilan Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC) daripada Malaysian Timber Certification Council.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

6. RUJUKAN

- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Recycled Paper*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Paper Based Packaging Products*
- FSC Malaysia - *Forest Stewardship Council (FSC)*

- Malaysian Timber Certification Council - *Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC)*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*
- Standard ISO 50001: *Energy Management System*

PG-14
KRITERIA KHUSUS UNTUK PRODUK BERASASKAN GETAH

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi produk berasaskan getah adalah:

- Kemusnahan tanaman dan alam semula jadi
- Penghasilan sisa bahan terpakai
- Penggunaan kandungan bahan cemar yang berbahaya
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian dan aktiviti pembuatan

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggalakkan pengurusan tanaman secara mampan
- Menguruskan sisa bahan terpakai secara mampan seperti guna semula atau kitar semula
- Menggunakan kandungan bahan cemar yang terhad
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Membekal produk berasaskan getah (getah asli atau getah kitar semula) untuk kegunaan di sektor kerajaan seperti

- Bekalan pertanian dan hortikultur seperti sistem siraman dan hos taman.
- Bangunan dan bahan binaan seperti pelapik dan pad penebat bunyi.
- Produk kejuruteraan awam dan mekanikal seperti produk pengurusan lalu lintas dan keselamatan jalan raya serta sekatan lalu lintas dan halangan lebuh raya untuk jalan dan keselamatan awam.
- Lantai dan permukaan seperti permukaan taman permainan dan tikar rumah.
- Bekas sisa buangan seperti peralatan kompos dan tong sampah.
- Produk marin seperti penampan dan penahan jeti.
- Barangan automotif seperti penampan dan pelapik kereta.
- Barangan bekalan pejabat seperti pelapik tetikus dan sarung tangan.
- Barangan sukan seperti pelapik senaman dan trek balapan.
- Produk farmaseutikal dan perubatan seperti sarung tangan pembedahan.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Produk berasaskan getah perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
    i. Mempunyai kriteria kandungan getah kitar semula dan bahan cemar yang mematuhi Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM *(Recycled Rubber Products*) dan mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. **atau**
    ii. Mematuhi skim lateks getah asli *(natural rubber latex)* dan mendapat pensijilan Standard Malaysian Glove (SMG) yang dikeluarkan oleh Lembaga Getah Malaysia **(untuk produk sarung tangan perubatan**).

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada produk berasaskan getah yang memenuhi kriteria berikut:

- Kilang pembuat produk tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar atau kecekapan tenaga daripada aktiviti pembuatan dan mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, pembekal perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. **atau** Sijil Standard Malaysian Glove (SMG) daripada Lembaga Getah Malaysia.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang

diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

6. RUJUKAN

- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Recycled Rubber Products*
- Lembaga Getah Malaysia - *Standard Malaysian Glove*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*
- Standard ISO 50001: *Energy Management System*

PG-15
KRITERIA KHUSUS UNTUK PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi perkhidmatan pembersihan adalah:

- Penggunaan kandungan bahan cemar atau toksik yang berbahaya di dalam agen pembersihan (bahan pencuci)
- Penggunaan sumber air dan tenaga elektrik
- Penghasilan sisa bahan terbuang
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggunakan sumber bahan biodegradasi di dalam agen pembersihan
- Menggunakan sumber air dan tenaga elektrik yang cekap
- Menguruskan sisa bahan terbuang secara mampan seperti guna semula atau kitar semula
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Menyediakan perkhidmatan pembersihan umum termasuk pembersihan bangunan pejabat kerajaan, kuarters pekerja, sekolah, hospital dan kemudahan awam. Ia merangkumi prosedur kontrak pembersihan (secara bulanan atau tahunan) dan perkhidmatan pencucian berkala.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Perkhidmatan pembersihan perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Penggunaan agen pembersihan (bahan pencuci) biodegradasi
    - **i.** Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
    - **ii.** Mematuhi Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM *(Biodegradable Cleaning Products*) dan mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau mana-mana skim pelabelan hijau yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada perkhidmatan pembersihan yang memenuhi kriteria berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Perkhidmatan) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre **atau** mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM *(Commercial Contract Cleaning Services*) yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Menggunakan mesin pembersihan cekap tenaga yang mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) **serta** mendapat pelabelan cekap tenaga yang dikeluarkan oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.
- Menggunakan plastik sampah biodegradasi atau mudah kompos yang mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) **serta** mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM (*Biodegradable & Compostable Plastic Packaging Materials)* yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Menggunakan kertas tisu atau tisu tandas kitar semula yang mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) **serta** mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM *(Paper Based Packaging Products*) yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. **atau** pensijilan Forest Stewardship Council (*FSC Recycled*) yang dikeluarkan oleh FSC Malaysia.
- Menggunakan bahan pewangi atau penyegar udara organik yang mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) **serta** mendapat skim pelabelan hijau yang dikeluarkan oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.
- Kontraktor perkhidmatan pembersihan hendaklah menyediakan peralatan perlindungan diri pekerja (*Personal Protective Equipment*; PPE) yang mematuhi peraturan di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia dan mendapat pensijilan yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, kontraktor perkhidmatan perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre atau Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. *(**kontraktor perkhidmatan hijau***).
- Sijil MyHIJAU Mark serta Sijil pelabelan cekap tenaga yang dikeluarkan oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (**mesin pembersihan**).
- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre serta Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (**plastik sampah**).
- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre serta Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau Lesen Pensijilan Forest Stewardship Council (FSC) daripada FSC Malaysia (**kertas tisu atau tisu tandas**).
- Sijil MyHIJAU Mark serta Sijil pelabelan hijau yang dikeluarkan oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (**bahan pewangi atau penyegar udara**).
- Lesen Pensijilan Produk daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (***Personal Protective Equipment*; PPE**).

6. RUJUKAN

- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Biodegradable Cleaning Products*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Commercial Contract Cleaning Services*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Biodegradable & Compostable Plastic Packaging Materials*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Paper Based Packaging*

Products

- FSC Malaysia - *Forest Stewardship Council (FSC)*
- Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia – Akta Kilang dan Jentera, 1967 serta Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994.

PG-16
KRITERIA KHUSUS UNTUK PUSAT DATA HIJAU

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi pusat data hijau adalah:

- Penggunaan tenaga elektrik
- Penggunaan kandungan bahan cemar yang berbahaya
- Penghasilan sisa bahan terpakai
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggunakan tenaga elektrik yang cekap
- Menggunakan kandungan bahan cemar yang terhad
- Menguruskan sisa bahan terpakai secara mampan seperti guna semula atau kitar semula
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Membekal peralatan atau menyediakan perkhidmatan pusat data hijau (*green data centre)* untuk memproses data yang banyak bagi tempoh masa yang tertentu di pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Peralatan atau perkhidmatan pusat data hijau perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Peralatan ICT termasuk komputer dan *server*:
    i. Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
    ii. Mempunyai kriteria cekap tenaga dan kandungan bahan cemar yang mematuhi pensijilan *ENERGY STAR atau Electronic Product Environmental Assessment Tool (EPEAT)* yang dikeluarkan oleh United States Environmental Protection Agency **atau** *Electronic Stewardship (e-Stewards)* yang dikeluarkan oleh Basel Action Network.
- Pematuhan kepada kelayakan kriteria Kod Teknikal (Spesifikasi Pusat Data Hijau) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia di dalam Standard

Tatacara Pengoperasian *(Standard Operating Procedure; SOP)* seperti senarai dibawah:

i. Kecekapan Penggunaan Kuasa (*Power Usage Efficiency; PUE)* bersamaan atau kurang daripada 1.9
ii. Suhu udara persekitaran tidak kurang daripada 23°C
iii. Kelembapan udara sekitar 30% - 60%
iv. Kecekapan UPS (*Uninterruptible Power Supply*) perlulah bersamaan atau melebihi 90%

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada peralatan atau perkhidmatan pusat data hijau yang memenuhi kriteria berikut:

- Menyediakan Dasar Ambil Semula (*Buy-back Policy*) untuk peralatan ICT yang terpakai dan telah digunakan bagi tujuan guna semula atau kitar semula peralatan tersebut.
- Penyedia perkhidmatan tersebut mematuhi standard kecekapan tenaga daripada aktiviti pengoperasian dan mendapat pensijilan ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, pembekal perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Sijil *ENERGY STAR atau Electronic Product Environmental Assessment Tool (EPEAT)* daripada United States Environmental Protection Agency **atau** Sijil *Electronic Stewardship (e-Stewards)* daripada Basel Action Network; **SERTA**
- Standard Tatacara Pengoperasian *(Standard Operating Procedure; SOP)* berkenaan kelayakan kriteria Kod Teknikal (Spesifikasi Pusat Data Hijau) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Dasar Ambil Semula (*Buy-back Policy*) yang disediakan oleh pembekal atau pengeluar peralatan tersebut (**peralatan ICT**).
- Sijil ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

6. RUJUKAN

- United States Environmental Protection Agency - *ENERGY STAR Program*
- United States Environmental Protection Agency - *Electronic Product Environmental Assessment Tool (EPEAT)*
- Basel Action Network - *Electronic Stewardship (e-Stewards)*
- Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia - *Technical Code (Specification for Green Data Centres)*

PG-17
KRITERIA KHUSUS UNTUK PENGURUSAN FASILITI BANGUNAN

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi pengurusan fasiliti bangunan adalah:

- Penggunaan tenaga elektrik
- Penghasilan sisa bahan terpakai dan terbuang
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggunakan tenaga elektrik yang cekap
- Menguruskan sisa bahan terpakai dan terbuang secara mampan seperti guna semula atau kitar semula
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Menyediakan perkhidmatan pengurusan fasiliti bangunan di premis kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Perkhidmatan pengurusan fasiliti bangunan perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Perkhidmatan) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Berdaftar sebagai Syarikat Perkhidmatan Tenaga (*Energy Service Companies;* ESCO) dengan Suruhanjaya Tenaga Malaysia dan mempunyai:
    i. Seorang pekerja yang berdaftar sebagai Pengurus Tenaga Elektrik Berdaftar (*Registered Electrical Energy Manager;* REEM) dengan Suruhanjaya Tenaga Malaysia; dan
    ii. Seorang pekerja yang berdaftar sebagai Pengurus Tenaga Bertauliah *(Certified Energy Manager; CEM)* yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Tenaga Malaysia.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada perkhidmatan pengurusan fasiliti bangunan yang memenuhi kriteria berikut:

- Penyedia perkhidmatan tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar daripada aktiviti pengoperasian dan mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, kontraktor perkhidmatan perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Sijil Pendaftaran Sebagai Syarikat Perkhidmatan Tenaga (ESCO) dan Sijil Perakuan Pendaftaran Sebagai Pengurus Tenaga Elektrik Berdaftar (REEM) daripada Suruhanjaya Tenaga Malaysia **serta** Sijil Pendaftaran Sebagai Pengurus Tenaga Bertauliah (CEM) yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Tenaga Malaysia.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

6. RUJUKAN

- Suruhanjaya Tenaga Malaysia - *Energy Service Companies*
- Suruhanjaya Tenaga Malaysia - *Registered Electrical Energy Manager*
- Suruhanjaya Tenaga Malaysia - *Certified Energy Manager*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*

PG-18
KRITERIA KHUSUS UNTUK PERKHIDMATAN BENGKEL AUTOMOTIF

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi perkhidmatan bengkel automotif adalah:

- Penghasilan sisa bahan terpakai dan terbuang
- Pencemaran air dan saliran
- Penggunaan kandungan bahan cemar atau toksik yang berbahaya
- Penggunaan sumber air untuk aktiviti pencucian
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menguruskan sisa bahan terpakai dan terbuang secara mampan seperti guna semula atau kitar semula
- Melupuskan sisa berjadual di tapak rawatan yang dibenarkan
- Menggunakan kandungan bahan cemar atau toksik yang terhad
- Menggunakan sumber air yang cekap
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Menyediakan perkhidmatan bengkel automotif yang merangkumi aktiviti membaiki dan menyelenggara kenderaan kerajaan oleh mekanik, juruteknik dan juruelektrik. Berikut adalah perkhidmatan yang disediakan seperti di bawah:

- Membaiki kerosakan kenderaan (*breakdown*).
- Membaiki kerosakan kenderaan yang disebabkan oleh pelanggaran dan kemalangan termasuk barangan mekanikal, elektrik, kerja-kerja baik pulih dan pembaikan cat.
- Penyelenggaraan berjadual kenderaan.
- Perkhidmatan penyelenggaraan khusus, pembaikan atau baik pulih (MRO) seperti bahagian badan, tayar dan penjajaran roda, pendawaian elektrik kereta, pembaikan sistem pengudaraan panas dan penghawa dingin (HVAC), pembaikan kaca automotif, pemerincian dan pemasangan komponen kenderaan.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Perkhidmatan bengkel automotif perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Perkhidmatan) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 untuk pelupusan sisa bahan berbahaya (seperti bahan toksik dan kimia), bahan buangan terjadual dan bateri kenderaan serta mendaftar sebagai kontraktor berlesen dengan Jabatan Alam Sekitar.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada perkhidmatan bengkel automotif yang memenuhi kriteria berikut:

- Mempunyai kriteria pengurusan sisa buangan, kandungan bahan cemar, kualiti udara dan air serta aktiviti pencucian dan mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM *(Automotive Worksop Services*) yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Menggunakan sistem tadahan air hujan *(rain water harvesting system)* atau sistem air kitar semula *(non-potable water system)* yang mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) **serta** mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM *(Rainwater Harvesting System*) yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Penyedia perkhidmatan tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar atau kecekapan tenaga daripada aktiviti pengoperasian dan mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.
- Penyedia perkhidmatan bengkel automotif hendaklah menyediakan peralatan perlindungan diri pekerja (*Personal Protective Equipment*; PPE) yang mematuhi peraturan di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia dan mendapat pensijilan yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, kontraktor perkhidmatan perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Lesen Kontraktor Bertauliah daripada Jabatan Alam Sekitar.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. *(***kontraktor perkhidmatan bengkel**).
- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre serta Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (**sistem tadahan air hujan/air kitar semula**).
- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.
- Lesen Pensijilan Produk daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (***Personal Protective Equipment*; PPE**).

6. RUJUKAN

- Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Automotive Worksop Services*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Rainwater Harvesting System*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*
- Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia – Akta Kilang dan Jentera, 1967 serta Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994.

PG-19
KRITERIA KHUSUS UNTUK PERCETAKAN BERASASKAN KERTAS

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi percetakan berasaskan kertas adalah:

- Kemusnahan hutan dan alam semula jadi
- Penggunaan tenaga elektrik
- Penggunaan kandungan bahan cemar yang berbahaya
- Penghasilan sisa bahan terbuang
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggalakkan pengurusan hutan secara mampan
- Menggunakan tenaga elektrik yang cekap
- Menggunakan kandungan bahan cemar yang terhad
- Menguruskan sisa bahan terbuang secara mampan seperti kitar semula
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Menyediakan perkhidmatan percetakan berasaskan kertas untuk kegunaan di pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Perkhidmatan percetakan berasaskan kertas perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Penggunaan kertas percetakan kitar semula atau dari sumber hutan yang terkawal
    - **i.** Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
        - a. Mempunyai kriteria kandungan kitar semula dan bahan cemar yang mematuhi Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM *(Recycled Paper*) dan mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. **atau**
        - b. Mematuhi skim pengurusan hutan secara mampan *(Forest Stewardship- Chain of Custody)* dan mendapat pensijilan Forest

Stewardship Council (FSC) yang dikeluarkan oleh FSC Malaysia **atau** Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC) yang dikeluarkan oleh Malaysian Timber Certification Council.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada perkhidmatan percetakan berasaskan kertas yang memenuhi kriteria berikut:

- Menggunakan mesin percetakan cekap tenaga yang mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) **serta** mendapat pelabelan cekap tenaga yang dikeluarkan oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.
- Menggunakan kandungan bahan cemar yang terhad di dalam toner atau dakwat yang mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) **serta** mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM *(Printing Ink*) yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau mana-mana skim pelabelan hijau yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.
- Penyedia perkhidmatan tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar atau kecekapan tenaga daripada aktiviti pengoperasian dan mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, kontraktor perkhidmatan perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. **atau** Lesen Pensijilan Forest Stewardship Council (FSC) daripada FSC Malaysia **atau** Lesen Pensijilan Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC) daripada Malaysian Timber Certification Council.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Sijil MyHIJAU Mark serta Sijil pelabelan cekap tenaga yang dikeluarkan oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre Dasar (**mesin percetakan**).
- Sijil MyHIJAU Mark serta Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. **atau** Sijil pelabelan hijau yang dikeluarkan oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (**toner atau dakwat**).
- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

6. RUJUKAN

- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Recycled Paper*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Printing Ink*
- FSC Malaysia - *Forest Stewardship Council (FSC)*
- Malaysian Timber Certification Council - *Programme for the Endorsement of Forest Certification (PEFC)*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*
- Standard ISO 50001: *Energy Management System*

PG-20
KRITERIA KHUSUS UNTUK PERKHIDMATAN HOTEL, PENGINAPAN DAN PUSAT LATIHAN

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi perkhidmatan hotel, penginapan dan pusat latihan adalah:

- Penghasilan bahan pembungkusan terutama botol plastik
- Penghasilan sisa makanan dan bahan terbuang
- Penggunaan tenaga elektrik
- Penggunaan sumber air
- Pelepasan GHG semasa pelupusan

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Mengurangkan penggunaan sumber bahan plastik sekali guna
- Menggunakan sumber bahan terutama pembungkusan biodegradasi atau mudah kompos
- Menguruskan sisa makanan dan bahan terbuang secara mampan seperti pengkomposan atau kitar semula
- Menggunakan tenaga elektrik dan sumber air yang cekap
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Menyediakan perkhidmatan hotel, penginapan dan pusat latihan untuk acara atau program rasmi kerajaan yang dianjurkan oleh kementerian atau agensi termasuklah kursus, latihan, seminar dan bengkel.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Perkhidmatan hotel, penginapan dan pusat latihan perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Pematuhan kempen larangan penggunaan plastik sekali guna *(zero single-use plastic)* di dalam Dasar Syarikat/Organisasi dan Standard Tatacara Pengoperasian *(Standard Operating Procedure; SOP)* seperti senarai dibawah:
    i. Menggantikan botol minuman plastik dengan botol kaca atau menyediakan jag air;

ii. Menggantikan pembalut plastik *(plastic wrap)* di piring, pinggan atau mangkuk dengan penutup makanan yang boleh diguna semula;
iii. Tidak menyediakan pinggan, piring, mangkuk, cawan atau kutleri plastik bersifat sekali guna serta mengelakkan straw plastik; **dan**
iv. Menyediakan *water dispenser* untuk kemudahan isian semula.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada perkhidmatan hotel, penginapan dan pusat latihan yang memenuhi kriteria berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Perkhidmatan) **atau** mendapat pelabelan bangunan atau perhotelan hijau yang dikeluarkan oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre seperti:
  i. *Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tools* (MyCREST) oleh CIDB Malaysia
  ii. *Green Building Index Rating System Tools* (GBI) oleh Green Building Index Sdn. Bhd.
  iii. *GreenRE Rating Tools* oleh GreenRE Sdn. Bhd.
  iv. *ASEAN Green Hotel Standard* oleh Nation Tourism Organization (NTO)
- Menggunakan bahan pembungkusan makanan dan minuman mesra alam (biodegradasi atau pengkomposan) yang mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) **serta** mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM *(Biodegradable & Compostable Plastic Packaging Materials* atau *Biomass Based Products for Food-contact Applications*) yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Menguruskan sisa makanan atau bahan terbuang yang mematuhi Akta Pengurusan Sisa Pepejal Berjadual dan berdaftar dengan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara seperti menyediakan kemudahan pengkomposan dan kitar semula.
- Menggunakan sistem tadahan air hujan *(rain water harvesting system)* atau sistem air kitar semula *(non-potable water system)* yang mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) **serta** mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM *(Rainwater Harvesting System*) yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Penyedia perkhidmatan tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar atau kecekapan tenaga daripada aktiviti pengoperasian dan mendapat

pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, kontraktor perkhidmatan perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Dasar Syarikat/Organisasi dan Standard Tatacara Pengoperasian *(Standard Operating Procedure; SOP)* berkenaan kempen larangan penggunaan plastik sekali guna *(zero single-use plastic).*

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre atau Sijil bangunan atau perhotelan hijau yang dikeluarkan oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre *(***kontraktor perkhidmatan hijau**).
- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre serta Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (**pembungkusan makanan dan minuman**).
- Lesen Kontraktor Bertauliah daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (**sisa makanan atau bahan terbuang**).
- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre serta Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (**sistem tadahan air hujan/air kitar semula**).
- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

6. RUJUKAN

- Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2019 - Pelaksanaan Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna di Kementerian, Agensi Kerajaan Persektuan dan Negeri

- CIDB Malaysia - *Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tools* (MyCREST)
- Green Building Index Sdn. Bhd. - *Green Building Index Rating System Tools* (GBI)
- GreenRE Sdn. Bhd. - *GreenRE Rating Tools*
- ASEAN Green Hotel Standard
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Biodegradable & Compostable Plastic Packaging Materials*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Biomass Based Products for Food-contact Applications*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Rainwater Harvesting System*
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara - Akta Pengurusan Sisa Pepejal Berjadual *(Guidelines for Formulation of Local Action Plan on Waste Minimisation)*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*
- Standard ISO 50001: *Energy Management System*

PG-21
KRITERIA KHUSUS UNTUK PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN SISTEM PENYAMAN UDARA

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi perkhidmatan penyelenggaraan sistem penyaman udara adalah:

- Penggunaan kandungan bahan cemar atau toksik yang berbahaya
- Pencemaran daripada agen pembersihan (bahan pencuci)
- Penghasilan sisa bahan terbuang
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggunakan kandungan bahan cemar atau toksik yang terhad
- Menggunakan sumber bahan biodegradasi di dalam agen pembersihan
- Menguruskan sisa bahan terbuang secara mampan seperti penghantaran ke tapak pelupusan yang diwartakan
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan sistem penyaman udara di bangunan pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam yang merangkumi kerja-kerja penyelenggaraan sistem Pemanasan, Ventilasi dan Penyaman Udara (HVAC) atau Ventilasi Mekanikal dan Penyaman Udara (ACMV).

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Perkhidmatan penyelenggaraan sistem penyaman udara perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Perkhidmatan) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Menggantikan kandungan refrigeran di dalam sistem penyaman udara yang mematuhi Jadual 1 (Peraturan 2) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan mempunyai Juruteknik Bertauliah Sektor Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara (RACs) yang diiktiraf oleh Jabatan Alam Sekitar.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada perkhidmatan penyelenggaraan sistem penyaman udara yang memenuhi kriteria berikut:

- Menggunakan agen pembersihan (bahan pencuci) biodegradasi yang mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) serta mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM *(Biodegradable Cleaning Products*) yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Melupuskan sisa kandungan refrigeran yang mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 serta mendaftar sebagai kontraktor berlesen dengan Jabatan Alam Sekitar.
- Penyedia perkhidmatan tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar daripada aktiviti pengoperasian dan mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.
- Penyedia perkhidmatan penyelenggaraan sistem penyaman udara hendaklah menyediakan peralatan perlindungan diri pekerja (*Personal Protective Equipment*; PPE) yang mematuhi peraturan di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia dan mendapat pensijilan yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, kontraktor perkhidmatan perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Sijil Juruteknik Bertauliah Sektor Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara (RACs) yang diiktiraf oleh Jabatan Alam Sekitar.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre serta Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM

QAS International Sdn. Bhd. (**agen pembersihan atau bahan pencuci**).

- Lesen Kontraktor Bertauliah daripada Jabatan Alam Sekitar (**kontraktor pelupusan sisa buangan**).
- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.
- Lesen Pensijilan Produk daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (***Personal Protective Equipment*; PPE**).

6. RUJUKAN

- Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
- Kursus Pensijilan Juruteknik Bertauliah Sektor Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara (RACs)
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Biodegradable Cleaning Products*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*
- Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia – Akta Kilang dan Jentera, 1967 serta Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994.

PG-22

KRITERIA KHUSUS UNTUK SISTEM VENTILASI MEKANIKAL DAN PENYAMAN UDARA TERMASUK CHILLER (MOD PENYEJUKAN)

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi sistem mod penyejukan adalah:

- Penggunaan tenaga elektrik
- Penggunaan kandungan bahan cemar atau toksik yang berbahaya
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian dan aktiviti pembuatan

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggunakan tenaga elektrik yang cekap
- Menggunakan kandungan bahan cemar atau toksik yang terhad
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Membekal komponen sistem Ventilasi Mekanikal dan Penyaman Udara termasuk Chiller (Mod Penyejukan) untuk kegunaan dalam bangunan, penggantian atau kerja penyelenggaraan di pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kemudahan awam.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Komponen sistem Ventilasi Mekanikal dan Penyaman Udara (Mod Penyejukan) perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Mempunyai kriteria cekap tenaga yang mematuhi penarafan minimum kW/TR seperti di dalam MS 1525 (*Code of Practice on Energy Efficiency and use of Renewable Energy for Non-Residential Buildings*) dan mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM *(Chiller*) yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. **atau** pelabelan cekap tenaga yang dikeluarkan oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada sistem Ventilasi Mekanikal dan Penyaman Udara (Mod Penyejukan) yang memenuhi kriteria berikut:

- Mempunyai kandungan bahan cemar yang mematuhi Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM *(Chiller*) dan mendapat Skim Pelabelan Eko SIRIM yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Kilang pembuat peralatan sistem tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar atau kecekapan tenaga daripada aktiviti pembuatan dan mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, pembekal perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. **atau** mana-mana skim pelabelan cekap tenaga yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Lesen Pensijilan Eko-Label SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

6. RUJUKAN

- Standard Malaysia (MS 1525:2007): *Code of Practice on Energy Efficiency and Use of Renewable Energy for Non-Residential Buildings*
- Dokumen Produk Kriteria Eko-Label SIRIM - *Chiller*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*
- Standard ISO 50001: *Energy Management System*

PG-23
KRITERIA KHUSUS UNTUK PAM AIR BERKUASA ELEKTRIK

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi produk pam air berkuasa elektrik adalah:

- Penggunaan tenaga elektrik
- Penggunaan sumber air
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian dan aktiviti pembuatan

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggunakan tenaga elektrik dan sumber air yang cekap
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Membekal pam air berkuasa elektrik bertujuan untuk kegunaan dalam penggantian atau pemasangan baru di bangunan kerajaan, sekolah, hospital, kemudahan awam dan infrastruktur.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Produk pam air berkuasa elektrik perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Mempunyai kriteria cekap tenaga yang mematuhi garis panduan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (*Guideline for Listing and Registration of Products and Suppliers)* serta Standard IEC 60335: *Household and Similar Electrical Appliances* dan mendapat pensijilan produk atau laporan ujikaji yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada produk pam air berkuasa elektrik yang memenuhi kriteria berikut:

- Kilang pembuat produk tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar

atau kecekapan tenaga daripada aktiviti pembuatan dan mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, pembekal perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Lesen Pensijilan Produk atau Laporan Ujikaji (Standard IEC 60335) daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

6. RUJUKAN

- Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara - *Guideline for Listing and Registration of Products and Suppliers*
- Standard IEC 60335: *Household and Similar Electrical Appliances*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*
- Standard ISO 50001: *Energy Management System*

PG-24
KRITERIA KHUSUS ENJIN MESRA ALAM UNTUK KENDERAAN BERAT

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi enjin mesra alam untuk kenderaan berat adalah:

- Penggunaan sumber bahan api
- Penghasilan sisa bahan terpakai
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian dan aktiviti pembuatan

Pendekatan GGP hendaklah meliputi:

- Menggunakan sumber bahan api yang cekap atau mesra alam
- Menguruskan sisa bahan terpakai secara mampan seperti guna semula atau kitar semula
- Mengurangkan pelepasan GHG

2. SKOP

Membekal kenderaan berat berenjin mesra alam untuk kegunaan rasmi kementerian atau agensi melalui proses pembelian atau sewaan seperti lori, bas atau traktor.

3. SPESIFIKASI PRODUK (KRITERIA MANDATORI)

Kenderaan berat berenjin mesra alam perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- Mempunyai pengiktirafan MyHIJAU Mark (Produk) yang dikendalikan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
    i. Mematuhi standard penggunaan bahan api seperti Kenderaan Elektrik (EV), Sel Bahan Api Kenderaan Elektrik (FCEV) atau bahan api mesra alam (seperti hidrokarbon atau biodiesel) **dan** mendapat kelulusan jenis kenderaan (*Vehicle Type Approval; VTA)* oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia; **atau**
    ii. Mematuhi kadar ujian pelepasan gas tercemar di bawah *Regulation R49* atau *Directive 88/77* untuk enjin kenderaan berat (seperti enjin yang menggunakan minimum Diesel Euro 4) dan mendapat pensijilan produk atau laporan ujikaji yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn.

Bhd. atau mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

4. KRITERIA PENGANUGERAHAN

Markah tambahan akan diberikan kepada pembekal kenderaan berat berenjin mesra alam yang memenuhi kriteria berikut:

- Menyediakan Dasar Ambil Semula (*Buy-back Policy*) untuk kenderaan berat yang terpakai dan telah digunakan bagi tujuan guna semula atau kitar semula kenderaan tersebut.
- Kilang pembuat kenderaan tersebut mematuhi standard pengurusan alam sekitar atau kecekapan tenaga daripada aktiviti pembuatan dan mendapat pensijilan ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* oleh mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

5. KETERANGAN DAN PENGESAHAN

Bagi mematuhi kriteria mandatori dan/atau penganugerahan, pembekal perlu mengemukakan dokumen sokongan atau sijil-sijil seperti di bawah:

(i) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria mandatori

- Sijil MyHIJAU Mark daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre; **SERTA**
- Sijil Kelulusan Jenis Kenderaan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (**kenderaan mesra alam**), **atau** Lesen Pensijilan Produk atau Laporan Ujikaji daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (**skim enjin mesra alam**).

(ii) Dokumen sokongan atau sijil-sijil untuk kriteria penganugerahan

- Dasar Ambil Semula (*Buy-back Policy*) yang disediakan oleh pembekal atau pengeluar produk tersebut.
- Sijil ISO 14001 *(Environmental Management System)* atau ISO 50001 *(Energy Management System)* daripada mana-mana badan pensijilan yang diiktiraf oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.

6. RUJUKAN

- Standard Malaysia (MS 1822:2019): *Classification and definition of power-driven vehicles and trailers*
- Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia - Garis Panduan Kelulusan Jenis Kenderaan *(Vehicle Type Approval; VTA)*
- Standard ISO 14001: *Environmental Management System*
- Standard ISO 50001: *Energy Management System*

PG-25
KRITERIA KHUSUS UNTUK BAJA ORGANIK

1. IMPAK ALAM SEKITAR DAN PENDEKATAN GGP

Impak utama alam sekitar bagi produk baja organik adalah:

- Penggunaan kandungan bahan cemar yang berbahaya
- Pencemaran air dan tanah daripada kandungan bahan larut resapan baja
- Pelepasan GHG semasa pengoperasian dan aktiviti pembuatan

